



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

INFOKUS

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU | www.umt.edu.my

Bil. 40 ■ MAC 2012



Perutusan
Naib Canselor Tahun 2012

UMT tubuh fakulti baharu - FPAI

INOS CoE berpotensi



ISSN 1675 - 2139



*Pohon dedalu melata di rimba
Pohon semalu tiada merata
Tahun baharu sentiasa didamba
Tahun baharu bicara bermula*

Assalamualaikum, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Salam Tahun Baharu untuk semua pembaca setia. Edisi pertama *INFOKUS* Mac 2012 sarat dengan pelbagai bahan untuk membugarkan minda kita semua. Tahun baharu penuh dengan pelbagai penantian pengisian peristiwa yang belum tentu dibungai dengan suka ataupun duka. Namun sebagai insan yang masih mampu bertahan di bumi yang penuh dengan pelbagai dugaan ini sudah tentu kita mendambakan sesuatu yang terbaik untuk memenuhi kamus kehidupan kita.

SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman

Penasihat

YBhg. Prof. Dr. Norhayati Mohd Tahir

Ketua Pengarang

Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

Editor

Rabil Sitta Abdul Rahman
Mohd Izham Mohd A. Wahid
Harisom Anida Musa

Pembaca Prof

Nor Hafizah Arifin

Pereka Grafik

Mohd Fadli Abdullah
Rozlana Mat Hussin

Tahun baharu kita bekalkan diri kita dengan seribu harapan dan doa untuk kejayaan. Tahun baharu kita seamakan seribu cadangan untuk mencapai kecemerlangan. Bagaimana kita mencanaikan harapan yang kita seamakan untuk mencapai kecemerlangan? Sudah pasti kerjasama dan kolaborasi dalam kalangan rakan sekerja menuntut kejayaan yang diharapkan. Wow! Bunyinya begitu mudah dan amat mudah jika semua warga kampus sehaluan dan sejalan. Namun kita perlu ingat bahawa sehaluan tetapi tidak sejalan lebih baik daripada sejalan tetapi tidak sehaluan. Walau apapun keadaan yang kita hadapi, semangat yang kuat sudah pasti mampu mengatasi apa jua cabaran yang mendatang. Hanya ketabahan dan keyakinan yang teguh akan membuahkan kejayaan yang kukuh. Justeru kekuatan yang jitu datang dari semangat yang tidak pernah mengalah. Bersama-samalah kita bekerja seikhlas mungkin untuk membina tapak kecemerlangan organisasi yang kita diami.

*Silap bicara ampun meniti
Silap berkata tiada dikeji
Bersama kita membangun komuniti
Bersama kita membangun UMT*

PROF. MADYA DR. NORAIEN MANSOR

Jurufoto

Mokhtar Ishak
Krew PTM

Penyumbang Bahan

Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman (INOS)
Dr. Abdul Hanid Halit (FPS)
Dr. Rokiah Kadir (International Centre)
Dr. Hafiza Aishah Hashim (FPE)
Dr. Hayati Mohd Yusof (FASM)
Dr. Marhana Anuar (FPE)
Dr. Chong Ju Lian (INComS)
Dr. Nadirah Musa (FPAI)
Kasyfullah Abd. Kadir (FPS)
Wan Mohd Wazir Wan Abdul Wahab (PTM)
Siti Noriam Yaakob (HEPA)
Azri Muhamad (INOS)
Nor Ismadi Izhan Ismail (HEPA)
Khairuzzaman Iz'aan Sawari (FMMSM)
Harun bin Ali (Pusat Islam, UMT)
Rozita Jayus (HEPA)
Siti Zainab bt Mat Zin (HEPA)
Siti Khatijah Harun (Pusat Islam, UMT)

Seperti biasa kedatangan tahun 2012 dirasakan agak mendadak sebagaimana tahun 2011 yang begitu cepat berlalu pergi. Rupanya perasaan ini berulang saban tahun disebabkan kesibukan kita semua menangani pelbagai isu untuk memastikan pembangunan dan kesejahteraan institusi kita ini lancar. Tahun 2012 ini dirasakan tahun yang lebih mencabar bagi UMT khususnya dalam melengkapkan pembangunan fizikal hasil daripada peruntukan pembangunan RMK-9. Walaupun agak terlewat, diharapkan pada tahun ini bangunan Sekolah Siswazah, FASM, FMSM, Dewan Kuliah dan Makmal Berpusat akan dapat digunakan oleh pelajar secepat mungkin.

Pada awal tahun ini UMT telah melancarkan buku Pelan Strategik UMT untuk tahun 2011-2015 yang menyediakan senarai pelan tindakan lengkap untuk universiti mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Pelan ini telah membawa satu visi baharu iaitu "Menjadi Universiti Berprestasi Tinggi dengan Reputasi Global". Visi ini dengan jelas menyatakan yang warga UMT haruslah komited bekerja untuk membawa universiti ini ke mercu kejayaan yang bertaraf dunia. Menyokong visi ini, UMT mempunyai misi besar untuk menjadi pemacu kepada usaha penjaan ilmu berteraskan sains dan teknologi.

Tahun 2012 telah dimulai dengan penubuhan Fakulti Perikanan dan Akua-Industri atau FPAI secara rasminya pada 1 Januari. Menjadi harapan universiti supaya fakulti ini akan mencorakkan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan dalam bidang ilmu, teknologi dan industri yang berkaitan dengan perikanan secara menyeluruh. Namun begitu, isu berkaitan dengan Skim Baru Perkhidmatan Awam atau SBPA lebih banyak diperbahaskan oleh warga kerja memandangkan pelaksanaannya masih tertangguh khususnya dalam cuti semester baru-baru ini. Kita mungkin perlu menunggu lebih lama sedikit kerana banyak isu-isu berkaitan tangga gaji serta kebajikan pekerja. Pada awal Februari, UMT telah berjaya



menganjurkan "Program Discover UMT" khusus untuk memperkenalkan UMT kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang sedang menunggu keputusan. Seramai 34 pelajar daripada seluruh negeri Terengganu telah menyertai program ini yang mendedahkan mereka kepada pelbagai aspek kehidupan di kampus. Sambutan begitu menggalakkan dan akan menjadi satu lagi program USR tahunan UMT.

Warga pentadbiran UMT pula akan berbangkit tidak lama lagi untuk mengupas dan menganalisa pencapaian KPI masing-masing untuk tahun 2011. Pandangan kasar menunjukkan UMT sedang berada di landasan yang baik. Oleh itu marilah kita bersama-sama berdoa semoga kita semua diberikan keberkatan dalam usaha kita melonjakkan UMT ke persada dunia.

'BERSAMA MEMBANGUN UMT'

Jumpa lagi. Wassalam.

PROF. DATO' DR. AZIZ DERAMAN

Mariati Binti Mat Salleh@Md Nor (FPS)
Zuraidah Nasution (FASM)
Cik Faridah Jaafar (FPS)
Syarifah Noormaisarah Tuan Besar (International Centre)
Azizi Ali (INOS)
AmalinXa (INOS)
Muhammad Haniff Mohd Yusoff (AKUATROP)
Nasrenim Suhaimin (FASM)

Mohd Shahrulnizam Zuraimi (PSNZ)
Noor Hazila Hashim (PKPA)
Mohd Hafriz Nural Azhan (PKPA)
Mohd Akmal Hashim (IMB)
Ahmad Ashadi Mohamad@Asmara (INComS)
Mohd Izham Mohd A Wahid (RMIC)
Suhaiti Mohd (RMIC)
Shahrul Jama Othma (INOS)
Abdullah Syukri M. Saleh (BPK)

Perutusan Tahun Baharu 2012

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu

“ ...saya memilih tema amanat tahun ini ‘BERFIKIRAN GLOBAL BERTINDAK LOKAL’ sebagai satu penegasan bahawa langkah yang paling tepat untuk membina modal insan berilmu dan berkemahiran tinggi; menjalankan penyelidikan yang bermakna; dan menghasilkan inovasi berimpak besar adalah dengan bertindak untuk kepentingan pembangunan, kemajuan dan transformasi negara...”

(Petikan Amanat Tahun Baharu 2012, Menteri Pengajian Tinggi, 26 Januari 2012)



Pertamanya, izinkan saya menyampaikan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya kita telah diberikan peluang untuk berada dalam Majlis Perutusan Tahun Baharu 2012 Universiti Malaysia Terengganu pada hari ini. Mengambil peluang ini saya ingin menyampaikan ucapan selamat tahun baharu dan terima kasih kepada semua warga UMT kerana telah menjalankan peranan masing-masing dengan cemerlang. Hasil usaha seluruh warga kerja UMT sepanjang tahun 2011 telah berjaya membawa banyak kemajuan dan kejayaan UMT sebagai sebuah universiti yang menyumbang kepada pembangunan negara. Antara perkara besar yang berjaya dilaksanakan adalah penganugerahan ijazah kehormat Doktor Sains kepada negarawan tersohor Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pelancaran kapal *RV Discovery* oleh Tuanku

Canselor UMT, Tuanku Nur Zahirah pada 30 September 2011.

Bertepatan dengan seruan Menteri Pengajian Tinggi untuk kita “**Berfikiran Global, Bertindak Lokal**”, UMT telah membuat perancangan yang rapi dan tersusun terhadap seluruh aktiviti untuk terus mencipta kejayaan dan mencapai kemajuan seperti yang disarankan dalam PSPTN. Untuk itu, UMT telah menyemak dan menyusun semula pelan strategiknya (PSUMT). Secara khususnya, UMT telah menetapkan visinya sebagai “**Menjadi Universiti Berprestasi Tinggi dengan Reputasi Global**” yang tentu sekali selari dengan hasrat dan harapan negara. PSUMT telah menyediakan hala tuju yang jelas untuk

memastikan visi menjadi universiti berprestasi tinggi akan tercapai. Oleh itu, kita warga UMT haruslah memastikan bahawa UMT bukan sahaja molek dipandang mata, malah mestilah sempurna isi kandungannya juga.

PSUMT telah dirangka dengan mempunyai empat teras utama terhadap strategi yang dirangka iaitu **Akademik, Penyelidikan, Sosial dan Pengurusan**. Setiap teras ini menjadi asas kepada beberapa strategi yang bersesuaian untuk dilaksanakan oleh warga universiti bagi memenuhi lima objektif utama yang telah digariskan yang berkaitan dengan **melahirkan modal insan berwibawa, penawaran program akademik yang relevan, penghasilan produk penyelidikan, pemindahan ilmu dan teknologi kepada masyarakat dan menyediakan kampus yang kondusif untuk pembelajaran dan penyelidikan**. UMT kini berada dalam fasa Pengukuhan dan Pemerkaasaan. Fasa ini sangat memerlukan kerja kuat dan komitmen jitu seluruh warga UMT dalam melaksanakan segala program yang telah dirancang oleh pihak pengurusan.

Teras Akademik

Memenuhi strategi penyediaan prasarana terbaik, UMT telah berjaya menyediakan kemudahan fizikal setanding dengan universiti terkenal yang lain khusus dengan penyempurnaan projek pembangunan RMK-9 yang bernilai lebih RM300 juta. Penyempurnaan bilik-bilik kuliah, makmal, ruang kegiatan pelajar, kemudahan sukan serta bangunan pentadbiran ini tentu sekali memberi keselesaan kepada pelajar untuk membina kecemerlangan mereka dalam pelbagai bidang dan disiplin pengajian yang dipilih. Pada tahun 2012 ini, kita berharap supaya prasarana yang ada akan dilengkapi kemudahan peralatan terkini khususnya peralatan makmal. Untuk tujuan ini universiti telah memperuntukkan lebih RM10 juta daripada pelbagai sumber (termasuk peruntukan tahun

2011). Di samping itu prasarana untuk e-pembelajaran juga akan dimajukan secara lebih agresif dalam pelbagai bentuk. Kemudahan terkini yang disediakan akan memberi nilai tambah yang tinggi kepada pelajar UMT untuk menjadi graduan berwibawa.

Pada tahun lalu, Fakulti Pembangunan Sosial (FPS) telah ditubuhkan manakala dua program baharu telah diluluskan (iaitu Informatik Marin dan Pengurusan Pelancongan). Manakala Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin (FMSM) telah berjaya mendapatkan pengiktirafan profesional untuk program mereka. Pada tahun ini, UMT telahpun berjaya menubuhkan sebuah lagi fakulti baharu iaitu Fakulti Perikanan dan Akua-Industri (FPAI). Kita juga akan menambah lagi beberapa program baharu yang relevan dengan keperluan semasa khususnya daripada fakulti baharu FPS dan FPAI. Di samping itu, penawaran program MBA dijangka akan dimulakan pada tahun ini. Penawaran program baharu secara langsung akan meningkatkan bilangan enrolmen (pascasiswazah dan siswazah) yang pada ketika ini telah melebihi angka tujuh ribu.

Penambahbaikan program semasa akan terus diberi penekanan khususnya memastikan setiap program adalah terkini dan relevan. Untuk itu, setiap jabatan digalakkan melantik pakar industri untuk terlibat dalam proses penyemakan kurikulum mereka. Pelantikan ini boleh dibuat sebagai penasihat, ahli lembaga penasihat, profesor adjung, profesor pelawat atau penilai luar mengikut kesesuaian. Program rakan industri dan rakan akademik akan terus diperkukuhkan untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa diukurtarakan dengan industri dan institusi lain yang setara.

Program promosi dalam negeri juga akan dipertingkatkan untuk menarik calon pelajar yang lebih berkualiti tanpa menafikan peluang belajar untuk semua calon yang berkecukupan. Di samping itu promosi untuk mendapatkan pelajar antarabangsa juga dipertingkatkan khususnya daripada negara-negara

serantau. Untuk tahun 2011, sebanyak 11 program promosi luar negara telah disertai UMT. Di samping itu, penawaran program secara eksekutif akan ditambah secara berperingkat khususnya program di peringkat sarjana dan program PhD-Industri oleh fakulti dan institut. Pendekatan ini diharapkan akan dapat meningkatkan lagi bilangan pelajar siswazah UMT melampaui satu ribu pelajar dalam masa dua hingga tiga tahun akan datang. Peningkatan enrolmen ini tentu sekali menyokong usaha UMT untuk menambahcergas kegiatan penyelidikan dan pembangunan produk.

Usaha meningkatkan kompetensi modal insan seperti yang dinyatakan dalam strategi 3 terus diutamakan. Peratus pensyarah dengan PhD telah meningkat kepada 43% pada tahun lalu dan diharapkan peratusan ini akan mencapai tahap 50% menjelang akhir tahun ini. Ini disandarkan kepada lebih 200 tenaga akademik (pensyarah, tutor dan felo akademik) yang sedang menjalani program kedoktoran di dalam dan di luar negara. Menyokong usaha mereka, satu seminar khusus pegawai bercuti belajar dalam negara akan diadakan pada tahun ini. Seminar ini bertujuan untuk menyokong usaha kementerian supaya pegawai bercuti belajar dapat menyelesaikan pengajian mereka mengikut masa yang ditetapkan.

Teras Penyelidikan

Sebagai sebuah universiti penuh, tanggungjawab UMT terhadap bidang penyelidikan adalah sama pentingnya dengan bidang sama lainnya. Menteri Pengajian Tinggi dalam amanat tahun baharu telah berjanji untuk mewujudkan jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) di semua universiti. Oleh itu kita berharap supaya perkara ini dapat direalisasikan secepat mungkin. Seperti yang telah dirancang, struktur pengurusan penyelidikan UMT akan diperkasakan dengan mengukuhkan beberapa cabang pengurusan untuk memudahkan

pegawai akademik melaksanakan tugas penyelidikan mereka. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM2 juta telah disediakan dalam pelbagai skim penggalakkan penyelidikan. Satu program promosi penyelidikan dan inovasi juga akan diadakan pada tahun 2012 ini bertujuan melonjakkan UMT ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang penyelidikan.

Segala dasar berkaitan dengan anugerah penyelidikan dan penerbitan akan diteruskan dengan membuka ruang yang lebih besar kepada seluruh warga UMT termasuk kepada mereka yang sedang bercuti belajar. Universiti akan terus meningkatkan fokus penerbitan penyelidikan kepada jurnal berimpak tinggi dan akan menyertai program mentor (dengan universiti penyelidikan) yang dianjurkan oleh KPT.

Pengiktirafan Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) sebagai Hi-CoE Berpotensi pada tahun lalu telah memberikan satu suntikan yang besar terhadap bidang penyelidikan di UMT khususnya menjadikan bidang Oseanografi sebagai *niche* utama. Pada tahun 2012 kita akan berusaha untuk mendapat status Hi-CoE dengan meneruskan agenda memperkasakan INOS. Antara aktiviti utama adalah memulakan pelayaran sulong *RV Discovery* serta mengadakan sekurang-kurangnya satu pelayaran ekspedisi; pemasangan penerima data satelit yang bernilai hampir sejuta ringgit; pelantikan pemegang Kursi Sultan Mizan dan beberapa orang profesor pelawat dalam bidang Oseanografi serta mengukuhkan struktur pengurusan INOS.

Di samping INOS, UMT juga akan terus memperkasakan bidang Akuakultur dan Bioteknologi Marin dengan mengukuhkan kedua-dua institut AKUATROP dan IMB ke peringkat yang lebih tinggi. Ini boleh dilaksanakan dengan meningkatkan jaringan penyelidikan dengan institusi penyelidikan dalam dan luar negara yang terkenal. Di samping itu usaha kita mendapatkan akreditasi dan pengiktirafan lain untuk makmal penyelidikan harus diteruskan.

Ketiga-tiga institut boleh mengadakan program akademik peringkat siswazah dengan kerjasama sekolah siswazah untuk meningkatkan lagi bilangan pelajar siswazah UMT. Usaha ini boleh dilaksanakan secara pakej dengan institusi tertentu melalui pelbagai pendekatan yang bersesuaian. Saya pasti pengurusan UMT amat fleksibel terhadap perkara ini.

UMT akan meneruskan usaha promosi serta penilaian hasil penyelidikan dengan menyertai pelbagai pameran dan pertandingan. Sepanjang tahun 2011, UMT telah berjaya memperoleh 34 pingat yang terdiri daripada 9 emas, 12 perak, 13 gangsa serta 2 anugerah khas hasil penyertaan pertandingan penyelidikan dalam dan luar negara.

Pada tahun 2012 ini, UMT mensasarkan supaya perolehan geran penyelidikan tahunan untuk setiap pegawai akademik yang aktif ditingkat kepada RM50,000 secara puratanya. Oleh yang demikian, setiap penyelidik haruslah berusaha lebih giat dan melebarkan jaringan kenalan untuk mendapatkan pelbagai geran penyelidikan melalui sumber luar sama ada agensi kerajaan atau badan swasta.

Teras Pengurusan

Usaha menambah baik dan meningkatkan kecekapan tadbir urus universiti merupakan strategi utama untuk menyediakan warga kerja yang berkualiti. Untuk tahun 2012, program latihan kecekapan akan diteruskan tetapi ditambah beberapa modul latihan berkaitan dengan keusahawanan dan inovasi. Modul ini bertujuan memberi kesedaran dan kemahiran untuk warga kerja bersama menghayati dan menyokong visi dan misi universiti dalam menghasilkan graduan berwibawa.

Pada tahun 2011, program Latihan Sambil Belajar (LASBELA) telah dimanfaatkan oleh 136 staf UMT. Program yang memberikan pendedahan secara langsung staf UMT kepada institusi luar negara akan diteruskan pada tahun 2012 untuk membolehkan sehingga 200 orang staf mendapat peluang menyertai LASBELA. Di

samping itu, program sangkutan pegawai dengan institusi luar telah dimanfaatkan oleh 10 staf dalam pelbagai bidang pengkhususan kerja. Pada tahun ini, program sangkutan akan diteruskan dengan penyediaan peruntukan berjumlah RM200,000.

Peningkatan penggunaan ICT dalam pengurusan menunjukkan kesan yang amat baik. Usaha menambah modul pengurusan yang perlu akan diteruskan. Bagaimanapun, pendekatan pembangunan modul secara bersama (dengan pengguna) akan diberi keutamaan untuk membolehkan pengguna mempunyai pengetahuan secukupnya untuk menggunakan modul mereka. Pelaksanaan sistem zon untuk pengurusan kewangan telah menampakkan hasilnya dengan peningkatan kepantasan pemrosesan.

Setiap PTJ telah dibenarkan menubuh tabung penjanaan masing-masing pada tahun 2011. Hasil inisiatif ini, usaha penjanaan menunjukkan sesuatu yang amat positif. Sebagai contoh, penganjuran UMTAS 2011 telah menghasilkan keuntungan melebihi RM70,000. Petunjuk positif ini akan membolehkan setiap PTJ menjana kewangan mereka secara lebih sistematik dan seterusnya membantu mereka melaksanakan pelbagai aktiviti tambahan dengan dana tersebut.

Pengurusan kewangan universiti juga terus berada di dalam keadaan yang baik dengan mendapat sijil bersih setiap tahun. Malah pada tahun ini UMT telah mendapat pengiktirafan tertinggi daripada Jabatan Audit Negara.

Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan dengan bertambahnya jumlah pelajar serta peningkatan bidang tanggungjawab, taraf jawatan di beberapa PTJ akademik dan pentadbiran akan dipertingkatkan. Pengurusan UMT sedang menyediakan cadangan untuk menambah beberapa jawatan pentadbiran gred 48 dan 52. Peningkatan jawatan ini diharapkan akan meningkatkan kecekapan tadbir urus universiti ke tahap yang lebih tinggi.

Teras Sosial

Usaha meningkatkan citra universiti telah dilaksanakan dengan pelbagai pendekatan. Di samping usaha memperindahkan kampus secara berterusan, pelbagai pendekatan lain juga digunakan. Antaranya adalah dengan menggunakan laman web secara lebih berkesan. Laman Web UMT kini lebih informatif dan terkini. Diharapkan pada tahun 2012 ini laman web UMT akan mendapat pengiktirafan melalui pertandingan atau penilaian lain. Pertumbuhan bangunan yang pesat serta penyediaan papan digital besar dalam kampus telah memberi impak positif masyarakat terhadap pembangunan universiti. Secara khususnya, suasana ini telah menarik minat DYMM Tuanku Sultan untuk mengetahui tentang pembangunan kampus UMT baru-baru ini.

Citra universiti juga secara langsung telah dipupuk bersama dengan media cetak dan elektronik. Hubungan yang baik dengan pihak media telah membolehkan berita tentang UMT mendapat liputan hampir pada semua media cetak

dan elektronik yang ada di negara ini. UMT juga telah menjadikan beberapa kegiatan sosial seperti aktiviti sukan dengan pihak media sebagai acara tahunan.

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 14 program USR telah dilaksanakan dengan penglibatan pelajar dan staf universiti. Program USR ini akan diteruskan dalam skala yang lebih besar bersesuaian dengan peruntukan yang disediakan kerana ia memberikan visibiliti secara langsung tentang kewujudan dan peranan yang dimainkan oleh UMT kepada masyarakat. Program ini juga mampu membantu meningkatkan sahsiah pelajar UMT untuk menjadi graduan berwibawa. Di samping itu, UMT telah diberi kepercayaan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Institut Pembangunan Sosial dengan menjadi institusi pertama menganjurkan "The Great Gender Debate".

Secara keseluruhannya tahun 2012 akan dipenuhi dengan agenda untuk meningkatkan nilai intelektual warga universiti khususnya tenaga kerjanya dan kebolehpasaran

graduan yang dikeluarkan. Usaha menerapkan minda universiti setaraf universiti penyelidikan di kalangan warga menjadi agenda berterusan yang menyokong NKRA dan KPI yang telah ditetapkan untuk universiti oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Di samping itu, beberapa inisiatif baharu yang lain seperti Program *Discover* UMT untuk pelajar lepasan SPM dan pelantikan Karyawan Tamu untuk tujuan penerbitan buku bacaan umum akan dilaksanakan.

Akhir kata saya ingin mengajak saudara/i warga UMT untuk berganding bahu "*Bersama Membangun UMT*" yang akan menjadi penyumbang utama kepada penghasilan modal insan cemerlang untuk agama, bangsa dan negara tercinta. Semoga usaha kita semua akan mendapat keberkatan-Nya. Sekian.

PROF. DATO' DR. AZIZ BIN DERAMAN

Disampaikan di Dewan Sultan Mizan, UMT.

6 Februari 2012

Dato' Naib Canselor lancar buku Pelan Strategik UMT

oleh: Rabil Sitta Abdul Rahman
Penerbit UMT

Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu (UMT), YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman dalam perenggan terakhir ucapan Amanat Tahun Baharu 2012 menyeru semua warga UMT untuk saling berganding bahu bersama meningkatkan UMT dalam menghasilkan modal insan graduan yang cemerlang dan berguna kepada agama, bangsa dan negara. Petikan amanat ini perlu diambil perhatian oleh seluruh warga UMT di semua peringkat agar saling bekerjasama dan bersatu padu dalam menjayakan visi dan misi universiti.

Beliau menyampaikan ucapan Amanat Tahun Baharu 2012 dalam Perhimpunan Bulanan Februari 2012 yang telah diadakan di Dewan



Sultan Mizan di hadapan seluruh kerja UMT di pelbagai peringkat. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim, Pegawai-pegawai Utama dan Pegawai-pegawai Kanan UMT.

UMT meneruskan program Perhimpunan Bulanan yang telah menjadi acara rutin yang menghimpunkan seluruh warga kerja UMT. Beliau dalam ucapannya juga membawa seluruh warga UMT mengimbuai kejayaan yang telah dicapai oleh UMT sepanjang tahun 2011. Beliau amat berharap agar kejayaan-kejayaan tahun sebelumnya diterus dan dipertingkatkan pada tahun 2012 agar hasrat menjadikan UMT sebagai universiti berprestasi tinggi akan tercapai.

YBhg. Dato' Naib Canselor UMT juga telah menyempurnakan upacara pelancaran buku Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu Pelan Tindakan 2011-2015. Buku yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan Korporat, Pejabat Naib Canselor UMT dan diterbitkan oleh Penerbit UMT ini telah memperkenalkan kepada seluruh warga UMT mengenai visi dan misi UMT yang telah dikemas kini dan dimantapkan. Tidak ketinggalan turut diperkenalkan falsafah UMT. Berikut adalah Falsafah, Visi dan Misi UMT:

Falsafah

"Ilmu dan amal yang berpandu berlandaskan keimanan kepada Allah adalah tonggak kepada usaha universiti menyediakan modal insan yang berwibawa untuk kesejahteraan sejagat."

Visi

Menjadi Universiti berprestasi tinggi dengan reputasi global
(*To be a high performance university with global reputation*).

Misi

Memacu usaha penjana ilmu berteraskan sains dan teknologi ke arah pembangunan mapan, peningkatan sosioekonomi dan kesejahteraan sosial melalui kegiatan pembelajaran dan penyelidikan.



Setiap warga UMT akan menerima satu naskah buku *Pelan Strategik Universiti Malaysia Terengganu Pelan Tindakan 2011-2015* untuk dibaca, dihayati dan bersama-sama berusaha menjadikan UMT sebagai universiti berprestasi tinggi.

Selain itu, YBhg. Dato' Naib Canselor UMT juga turut melancarkan Sistem Aplikasi i-View yang merupakan aplikasi khusus yang dibangunkan bersama di antara Pejabat Komunikasi Korporat (PKK) dengan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bagi tujuan paparan maklumat dan aktiviti semasa di UMT secara digital

dan bersistematik. Selain itu juga i-View berfungsi dalam memberikan maklumat semasa berkaitan aktiviti utama di setiap PTj dan juga Bilik Mesyuarat Utama. i-View ini boleh diakses melalui MyNemo dalam modul sokongan.

Membuka tirai tahun 2012 juga, Pusat Tanggungjawab (PTj) Pejabat Naib Canselor (PNC) telah mengepalai perhimpunan bulanan yang pertama untuk tahun ini. Selain nyanyian lagu wajib, *Negaraku* dan *UMT Tonggak Jaya*, Kumpulan koir PTj PNC telah mempersembahkan lagu *Hitam Putih Kehidupan* sebagai renungan dan nasihat buat seluruh warga UMT.

Pelan Strategik UMT

Pelan Tindakan 2011-2015

oleh: Abdullah Syukri bin M. Saleh
Bahagian Perancangan Korporat, PNC

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) telah menetapkan satu lagi mercu tanda bersejarah dalam usaha melaksanakan misi penting ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi sebagaimana yang dihasratkan dalam Wawasan 2020. RMK-10 mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampunan. RMK-10 ini turut merencanakan pembangunan negara untuk tempoh lima tahun akan datang (tahun 2011-2015) dengan matlamat untuk menyampaikan hasil yang dihasratkan untuk semua rakyat.

Sehubungan dengan itu, kerajaan Malaysia telah membangunkan program pembangunan nasional berteraskan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), seperti yang digariskan dalam Program Transformasi Kerajaan (GTP), Bidang Ekonomi Utama Negara dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan pembaharuan ekonomi strategik dalam Model Baru Ekonomi (MBE). Menerusi RMK-10 juga, kerajaan Malaysia telah memperincikan strategi untuk memastikan peranan yang lebih berfokus selaku pengawal selia dan pemangkin, dan pada masa yang sama mendukung gagasan "1Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" demi penyampaian perkhidmatan yang berkesan.

Menyedari akan komitmen kerajaan Malaysia ini, UMT mengorak langkah untuk turut serta dalam arus transformasi negara dengan menggubal Pelan Strategik UMT (PSUMT) yang berteraskan kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan RMK-10. Pelan Strategik UMT (Pelan Tindakan 2011-2015) telah dilancarkan oleh YBhg. Prof. Dato'



Rajah Model PSUMT

Dr. Aziz bin Deraman, Naib Canselor UMT dalam majlis Perhimpunan Bulanan UMT (Februari 2012) dan Amanat Tahun Baru 2012 yang diadakan pada 6 Februari 2012 bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT.

Dalam PSUMT, UMT telah menetapkan hala tuju yang utuh yang digambarkan melalui visi, misi dan objektif setelah mengambil kira faktor globalisasi dan persaingan yang hebat dalam usaha untuk memartabatkan pendidikan tinggi negara di persada antarabangsa. Selain itu, menjelang tahun 2015, UMT telah menetapkan matlamat untuk menjadi sebuah universiti berfokus yang mempunyai ciri-ciri sebuah Universiti Penyelidikan.

Oleh yang demikian, PSUMT telah menggariskan empat teras utama sebagai pemangkin kepada program transformasi UMT iaitu Teras Akademik, Penyelidikan, Sosial dan Pengurusan. Melalui teras-teras ini, beberapa objektif dan strategi telah dibangunkan dan disusuli pula dengan pelan tindakan yang harus dicapai dalam tempoh

5 tahun bermula dari tahun 2011 hingga 2015.

Secara keseluruhan, 27 pelan tindakan telah digubal di bawah Teras Akademik, 25 pelan tindakan bagi Teras Penyelidikan, 14 pelan tindakan bagi Teras Sosial dan 16 pelan tindakan bagi Teras Pengurusan. Setiap pelan tindakan yang dinyatakan mempunyai petunjuk prestasi dan sasaran yang akan dilaksanakan oleh setiap warga UMT yang terdiri daripada pelajar, pegawai akademik, pegawai pengurusan dan pegawai pelaksana.

Melalui pelan ini juga, UMT bertekad untuk memastikan setiap sumber yang diperuntukkan akan memberikan nilai dan impak yang tinggi kepada pihak berkepentingan *stakeholder* UMT yang terdiri daripada masyarakat, kerajaan dan industri. Natiujahnya akan mendokong hasrat kerajaan Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dengan rakyat minda kelas pertama yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Sejenak bersama.....

Dekan Fakulti Perikanan dan Akua-Industri

Prof. Madya Dr. Abol Munafi Ambok Bolong

oleh: Dr. Nadirah Musa

Foto: Mohd Faizrus Anwar Roslan

Fakulti Perikanan dan Akua-Industri (FPAI)

Bagi menerajui Fakulti Perikanan dan Akua-Industri (FPAI), Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman telah melantik Prof. Madya Dr. Abol Munafi Ambok Bolong sebagai Dekan FPAI untuk tempoh tiga tahun berkuat kuasa 1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2015. Prof. Madya Dr. Abol Munafi Ambok Bolong merupakan anak kelahiran Johor berketurunan Bugis, dilahirkan pada 9 Mei tahun 1962 dan berpengalaman hampir 20 tahun dalam bidang marinkultur khususnya pengurusan pusat penetasan ikan.

Ikuti temu bual ringkas dengan Dekan Fakulti Perikanan dan Akua-Industri (FPAI), Prof. Madya Dr. Abol Munafi Ambok Bolong untuk mengupas lebih lanjut objektif dan peranan FPAI dalam mengembangkan dan menjana ilmu pengetahuan berasaskan bekalan ikan dan hasil laut.

INFOKUS: Selaku Dekan FPAI, apakah objektif utama penubuhan fakulti ini?

Pertama-tamanya saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti terutamanya kepada Naib Canselor UMT kerana memberi kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada saya untuk menduduki kerusi Dekan FPAI. Saya juga ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada Dekan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) iaitu YBhg. Prof. Dr. Sayed Mohamed Zain S. Hasan serta staf FASM yang telah turut memberi sokongan padu sehingga tertubuhnya FPAI.

Untuk makluman, penubuhan FPAI ini adalah sebagai menyahut seruan pihak kerajaan serta hasil maklum balas positif daripada pihak luar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan industri

perikanan negara. Objektif utama FPAI ialah memperkasakan bidang perikanan dan akuakultur negara selain daripada membangunkan sumber manusia yang holistik dan cemerlang. Secara tidak langsung, ini merupakan penjenamaan semula selain dapat menaikkan kegemilangan Fakulti Perikanan dan Akua-Industri memandangkan sejarah UMT sendiri yang bermula sebagai sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera bagi Universiti Putra Malaysia (UPM). Terdapat dua jabatan yang beroperasi di FPAI iaitu Jabatan Sains Perikanan dan Jabatan Sains Akuakultur, manakala satu Jabatan baharu iaitu Jabatan Akua-Industri akan dibuka tidak lama lagi bagi menyokong penubuhan FPAI.

INFOKUS: Bagaimana objektif ini boleh dicapai oleh FPAI?

Saya ingin memetik kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein:

"Pelajaran adalah satu bentuk pelaburan modal yang amat mustahak untuk membina sesuatu masyarakat. Kemudahan pelajaran adalah jaminan kepada perubahan pemikiran, bentuk, dan masyarakat kita sama ada di kampung mahupun di Bandar..."

Sehubungan itu saya amat berkeyakinan objektif FPAI boleh dicapai melalui pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan saintifik yang komprehensif serta inovatif bagi dimanfaatkan oleh

pihak kerajaan, industri malah masyarakat setempat.

Program akademik yang ditawarkan dan akan ditawarkan oleh FPAI meliputi bidang perikanan yang bersifat multi disiplin merangkumi bidang sains dan teknologi serta pengurusan, perniagaan malah isu-isu kemanusiaan. Ini seterusnya memberi impak yang besar kepada pengawalan dan keutuhan sumber perikanan negara sama ada sumber marin atau air tawar. Justeru, saya percaya ini akan dapat membantu kerajaan dalam menangani isu-isu yang berkait rapat dengan penggunaan sumber perikanan secara mampan.

INFOKUS: Apakah peranan yang boleh dimainkan FPAI sendiri dalam membantu memacu kecemerlangan dan meningkatkan imej UMT secara global dan global seperti diharapkan oleh KPT amnya dan UMT khasnya?

Penubuhan FPAI ini juga tepat pada masanya memandangkan ia dapat menyokong perancangan dan hasrat kerajaan Negeri Terengganu dalam mengembangkan industri akuakultur serta meningkatkan taraf sosioekonomi kelompok nelayan laut, pesisir pantai, sungai dan tasik. Malah, ini dapat membantu industri hiliran yang berasaskan produk perikanan dan hasil laut supaya lebih kompetitif dengan produk luar negara, dari segi keselamatan, pembuatan serta pembungkusan. FPAI juga memberi peluang kepada



Dekan FPAI, Prof. Madya Dr. Abol Munafi Ambok Bolong berpengalaman selama hampir 20 tahun dalam bidang marinkultur.



masyarakat luar untuk mendalami bidang perikanan melalui penajaan bengkel dan kursus jangka pendek yang bersesuaian.

Secara dasarnya, ini akan dapat membantu pembangunan UMT sendiri sebagai institusi akademik serta penyelidikan terunggul dan disegani ramai di Kawasan Koridor Pantai Timur (ECER). FPAI juga menjadikan pihak industri dan agensi kerajaan lain sebagai rujukan untuk penambahbaikan dari segi modal insan juga pengetahuan. Sebagai contoh, FPAI telah bekerjasama dengan pihak industri melalui memorandum persefahaman penyelidikan dalam industri ikan hiasan seperti arowana, juga ikan kelah. Selain itu, FPAI juga tidak melupakan nilai kemasyarakatan dan sosial, justeru turut memberi perhatian kepada projek penyelidikan yang dapat membangunkan dan memberi nilai

tambah kepada status ekonomi masyarakat di luar kawasan seperti Sarawak dengan membantu dalam projek penyelidikan ikan terubok.

INFOKUS: Akhirnya, apakah perancangan jangka panjang FPAI dalam usaha membawa UMT muncul sebagai salah sebuah institusi pengajian yang disegani sama ada di dalam dan luar negara?

Bagi memastikan kesinambungan dalam pelan perancangan FPAI sebagai institusi pelopor dalam bidang perikanan, beberapa strategi jangka panjang yang bersesuaian telah dikenal pasti. Antaranya bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, pembangunan pensyarah dari segi akademik dan sahsiah akan dipertingkatkan melalui pendedahan kepada latihan dan kursus berkaitan. Selain itu,

budaya penyelidikan di kalangan pensyarah dan staf akan terus diterapkan dan dipertingkatkan sesuai dengan keperluan semasa.

Promosi fakulti sama ada tempatan atau antarabangsa akan dipergiatkan bagi membantu menarik lebih ramai pelajar siswazah menyambung pengajian di FPAI khususnya dan UMT amnya. Di samping itu usaha mengantarabangsakan bidang akademik, penyelidikan dan perundingan akan terus dilaksanakan. Selari dengan itu, penambahbaikan prasarana pengajaran dan pembelajaran serta peningkatan kualiti persekitaran juga termasuk dalam perancangan jangka panjang FPAI. Oleh itu saya menaruh harapan besar agar FPAI dapat dikenali di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Sekalung tahniah buat warga FPAI!

Teroka ilmu dan aplikasi teknologi satelit

oleh: Azri Muhamad
Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS)

Pada 20 dan 21 Disember 2011, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) telah mengadakan satu Kursus berkaitan dengan satelit iaitu “*Orbital Mechanics and Satellite Systems*” anjuran Aeronautics Technology Sdn. Bhd. (ATSB). ATSB merupakan sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang berpengalaman luas

dalam teknologi dan kejuruteraan satelit di mana syarikat tersebut telah diberi mandat dalam pembinaan satelit optik pertama negara iaitu *Razaksat*.

Kursus tersebut dianjurkan untuk memberi kefahaman asas dan operasi sesebuah satelit dari permulaan pembinaan sehingga kepada pelancaran sesebuah satelit.

Kursus tersebut amat berfaedah kepada INOS memandangkan INOS merancang untuk membina Sistem Penerimaan Bumi Modis atau *Modis Ground Receiving System*. Perkataan Modis ialah singkatan kepada “*The Moderate Resolution Imaging Spectroradiometer*”.

INOS diiktiraf sebagai CoE Berpotensi

oleh : Mohd Izham Mohd A Wahid
Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMIC)

Institut Osenografi dan Sekitaran (INOS), UMT menerima dana sebanyak RM2 juta sebagai pengiktirafan daripada Kementerian Pengajian Tinggi sebagai Pusat Kecemerlangan (CoE) Berpotensi untuk melonjak pencapaian prestasi menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) pada masa akan datang.

INOS dipilih daripada 297 buah CoE di seluruh pusat pengajian tinggi bersama-sama lima CoE lain diumumkan menerima dana tersebut dalam satu majlis yang diadakan pada 16 Disember 2011 bertempat di Dewan Utama, Kementerian Pengajian Tinggi. Dalam majlis tersebut, Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman dan Pengarah INOS, YBhg. Prof. Dr. Mohd Lokman Husain yang mewakili UMT menerima replika cek daripada Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, YB Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Turut hadir ialah Pegawai-pegawai Utama UMT dan sebahagian besar warga INOS.

Bidang tujuhan INOS yang dikenal pasti sebagai platform untuk muncul sebagai HICoE ialah bidang Sains Marin, yang mana ia merupakan kekuatan utama INOS untuk melonjak sebagai pusat rujukan di peringkat nasional melalui Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Melalui pemberian dana tersebut, INOS akan diberikan peluang membuktikan keupayaannya untuk menjadi HICoE melalui Pelan Tindakan Program Penyelidikan yang akan dinilai oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Jawatankuasa Kesepakatan.

Peluang ini merupakan detik terbaik bagi UMT melalui sebuah CoE seperti INOS untuk membuktikan keupayaan sebenar kepakaran dalam penyelidikan bidang Sains Marin yang mana UMT dilihat sebagai paling layak menjadi HICoE dengan ruang masa dan pembiayaan yang secukupnya oleh pihak kementerian.

Komitmen daripada pengurusan UMT, terutama sokongan oleh

YBhg. Naib Canselor sendiri bakal menjadi dorongan kepada seluruh warga INOS untuk bekerja keras bagi memanfaatkan peluang yang diberikan ini demi memastikan cita-cita menjadi HICoE ini tercapai dalam masa yang terdekat ini. Selain INOS, lima CoE Berpotensi lain ialah, Photonic Research Centre (PRC) dan Centre for Research in Nanotechnology and Catalysis (NANOCEN) UM, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM, Pusat Kecemerlangan Perkhidmatan dan Penyelidikan Neurosains (PKPPN) USM dan Malaysian Technical University Network (MTUN) yang merupakan gabungan empat buah universiti, iaitu UniMAP, UTeM, UTHM dan UMP. Sehingga kini, enam CoE sudah dinaik taraf menjadi HICoE, dan enam CoE Berpotensi ini bakal dinilai dan dipilih untuk menjadi HICoE yang seterusnya bagi menjamin agenda inovasi nasional dapat dilaksanakan.



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman bersama Pengarah INOS, YBhg. Prof. Dr. Mohd Lokman Husain menerima replika cek daripada YB menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

INOS tekad capai pengiktirafan HICoE

oleh: Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman
Shahrul Jama Othman
INOS

Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merupakan sebuah pusat penyelidikan utama di dalam bidang oseanografi dan sains marin. Penubuhan INOS bermula dengan sokongan yang telah diterjemahkan melalui sebuah laporan pada tahun 1999 oleh Intergovernmental Oceanographic Commission (IOC), sebuah agensi di bawah UNESCO yang telah melawat Malaysia untuk menilai tentang keupayaan dan keperluan untuk membangunkan bidang oseanografi di institut pengajian tinggi di Malaysia. Hasil daripada lawatan tersebut, IOC telah mencadangkan penubuhan sebuah Institut Oseanografi di Terengganu dan pada 27 Mei 2001, INOS secara rasminya telah berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan rujukan dalam bidang oseanografi dan sains marin.

Bidang oseanografi dan sains marin bukanlah satu bidang baharu bagi INOS dan UMT. Fungsi INOS dapat dilihat seawal penubuhannya sebagai Pusat Perikanan dan Sains Marin, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada tahun 1979. Bagi memantapkan fokus kepada penyelidikan oseanografi dan sains marin, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Marin, UPM telah dipindahkan ke Terengganu pada tahun 1996.

Seawal penubuhannya, INOS telah menjadi pemangkin kepada penyelidikan dan pembangunan di UMT. INOS berperanan sebagai penyelaras kepada aktiviti penyelidikan dan menjadi penaung kepada semua penyelidik di UMT

sehingga tahun 2005, iaitu sebelum penubuhan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). Selain membangunkan kekuatan INOS di dalam bidang oseanografi dan sains marin, institut ini juga telah menjadi platform utama kepada 15 kumpulan penyelidikan di UMT serta menjadi asas kepada penubuhan dua lagi institut penyelidikan di kampus ini.

Berasaskan kepada tunjang yang kukuh dalam bidang oseanografi dan sains marin sejak sekian lama, maka pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melihat keupayaan yang ada pada UMT dan INOS untuk diiktiraf sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan Institut Pengajian Tinggi (HICoE) di Malaysia dalam Teras Penyelidikan dan Inovasi. Penarafan oleh KPT ini merupakan langkah strategik untuk melonjakkan HICoE di Institut Pengajian Tinggi untuk menjadi peneraju utama dalam bidang fokus masing-masing ke peringkat antarabangsa. INOS telah mendapat penarafan awal sebagai CoE Berpotensi yang bidang fokus oseanografi dan sains marin yang seterusnya akan dinaik taraf sebagai HICoE. Pengiktirafan sebagai HICoE merupakan sesuatu yang amat berprestij di mana institut yang diiktiraf akan menjadi sebuah pusat kecemerlangan yang menjadi rujukan di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa, dan secara langsung akan mengharumkan nama universiti itu sendiri.

Selain daripada latar belakang INOS yang telah lama bertapak di UMT, INOS sememangnya mempunyai keunikan dan

kekuatannya yang tersendiri yang layak diiktiraf sebagai sebuah HICoE. UMT merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang dilengkapi dengan sebuah kapal penyelidikan, *RV Discovery*, yang mampu menjelajah dan melakukan penyelidikan terutamanya kawasan laut dalam di Laut China Selatan. Di samping itu, UMT juga dilengkapi dengan banyak bot-bot penyelidikan untuk kajian di pesisir pantai. Kedudukan UMT berhampiran Laut China Selatan merupakan suatu kelebihan kepada INOS dalam menjalankan penyelidikan berasaskan oseanografi dan sains marin, di samping lokasinya yang berdekatan dengan beberapa agensi lain berkaitan laut seperti SEAFDEC, Jabatan Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Taman Laut, Akademi Laut Malaysia dan lain-lain. Dari segi sumber manusia pula, UMT bertuah kerana mempunyai ramai penyelidik yang berkepakaran dalam bidang oseanografi, sains marin dan ilmu kelautan dengan dibantu oleh para pegawai sokongan yang cukup terlatih.

Selain itu, UMT dan INOS juga mempunyai kelengkapan penyelidikan dan infrastruktur yang canggih dan berprestasi tinggi bagi menyokong setiap aktiviti penyelidikan yang dijalankan. Di antara kelengkapan penyelidikan yang menonjolkan kekuatan INOS dan UMT ialah:

- Pusat Rujukan dan Repositori Laut China Selatan
- Pangkalan Data Marin UMT dan *Ground Data Receiving Station*;
- Makmal-makmal khusus dalam

penyelidikan oseanografi dan sains marin:

- a. Makmal Oseanografi Fizikal & Geologi
- b. Makmal Oseanografi Biologi & Biodiversiti
- c. Makmal Oseanografi Satelit dan Informatik Marin
- d. Makmal Oseanografi Kimia & Pencemaran Marin
- e. Stesen-Stesen Penyelidikan (Setiu Wetland, Chagar Hutang dan Pulau Bidong)

Keupayaan INOS dan UMT ini juga telah diperakukan oleh Direktorat Oseanografi Kebangsaan (NOD) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang telah mengemukakan cadangan untuk menubuhkan sebuah Institut Oseanografi Negara (NIO) dengan

menggunakan asas dan kemudahan yang telah sedia ada di INOS dan UMT.

INOS juga aktif dalam membina jaringan dan melakukan penyelidikan bersama-sama agensi-agensinya dalam dan luar negara seperti MOSTI, Jabatan Taman Laut, Jabatan Perikanan, Jabatan Alam Sekitar, Universiti Kagoshima (Jepun), Universiti East Carolina (USA), Universiti Libre de Bruxelles (Belgium) dan Universiti Kiel (German). Beberapa syarikat swasta juga telah memberi kepercayaan kepada INOS dalam melaksanakan projek-projek konsultansi bagi syarikat minyak dan gas seperti PETRONAS, LUNDIN, NEWFIELD dan lain-lain.

Justeru itu, berdasarkan latar belakang sebagai pelopor bidang oseanografi dan sains marin, ditambah pula dengan keupayaan dan kekuatan tenaga penyelidik pakar serta disokong oleh kelengkapan penyelidikan dan infrastruktur yang terbaik, maka INOS yang mendokong moto UMT – “*Terokaan Seluas Lautan*”, amat bersedia untuk memikul tanggungjawab dalam menjayakan agenda negara, serantau dan antarabangsa dengan pengiktirafan sebagai sebuah HICoE. INOS kini bergerak aktif daripada sebuah CoE untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) melalui proses penilaian dan penarafan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

RM1.9 Juta dana penyelidikan KPT diraih UMT sepanjang tahun 2011

oleh : Suhaiti Mohd
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)

Setiap tahun, Kementerian Pengajian Tinggi memperuntukkan sejumlah dana untuk menyuburkan aktiviti dan budaya penyelidikan ke arah menuju aspirasi Negara. Penggalakkan penyelidikan yang bersifat asas, eksploratori, berjangka panjang selain memberi fokus kepada pembangunan prototaip merupakan platform untuk menjana ilmu yang mampu menyumbang terhadap peningkatan tahap intelektual, penciptaan teknologi baharu dan penyuburan budaya yang dinamik.

Bermula tahun 2011 - 2012, Dana Penyelidikan KPT yang diperuntukkan untuk membiayai aktiviti penyelidikan di Institusi Pengajian Tinggi adalah sebanyak RM641 juta bagi empat program penyelidikan di bawah RMK-10, iaitu Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim

Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS), Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS).

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 3,792 permohonan FRGS telah diterima oleh KPT yang melibatkan peruntukan RM631.072 juta. Daripada permohonan tersebut, sebanyak 556 projek diluluskan dengan peruntukan sebanyak RM46,092,015.00. UMT telah memperolehi sebanyak 13 projek (daripada 40 permohonan) bernilai RM560,700.00 dengan kadar peratusan sebanyak 32% berbanding kadar kelulusan nasional iaitu 14%.

Manakala ERGS pula, sebanyak 3,961 permohonan telah diterima oleh KPT dengan peruntukan RM830.550 juta. Permohonan yang diluluskan adalah sebanyak

451 projek dengan peruntukan RM40,412,630.00. Menerusi ERGS, UMT telah memperolehi 17 projek (daripada 89 permohonan) bernilai RM1,173,350.00 dengan kadar peratusan kelulusan adalah sebanyak 19% berbanding kadar kelulusan nasional iaitu 11%.

Selain daripada itu, menerusi Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), UMT juga telah berjaya memperolehi satu geran penyelidikan dengan jumlah RM260,000.00.

Sebagai rumusan, kepelbagaian jenis dana yang ditawarkan memberi lebih banyak peluang kepada penyelidik untuk memohon berdasarkan syarat dan kelayakan yang telah digariskan. Semoga tahun 2012, menjanjikan lebih banyak dana diperolehi oleh penyelidik UMT.

KPT tawar 4 Skim Geran Penyelidikan untuk Tahun Kedua, RMK-10

oleh : Suhaiti Mohd
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menawarkan empat Skim Geran Penyelidikan bagi Tahun Kedua, sepanjang Rancangan Malaysia Ke-10 ini. Secara ringkasnya, skim tersebut boleh dijelaskan sepertimana berikut:

i. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)

Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) merupakan penyelidikan asas yang boleh menghasilkan teori, konsep dan idea baharu demi perkembangan ilmu. Penyelidikan ini bertujuan untuk menggalakkan penjaanaan teori, konsep dan idea baharu yang dapat menjadi pemangkin kepada penemuan baharu dan penciptaan yang inovatif yang boleh mengembangkan sempadan ilmu. Jenis geran ini adalah yang paling lama ditawarkan iaitu bermula 2006 sehingga sekarang.

Pembiayaan geran FRGS meliputi bidang-bidang asas yang dapat menyokong agenda strategik negara. Bidang-bidang yang dikenal pasti adalah seperti sains tulen, sains gunaan, teknologi & kejuruteraan, sains kesihatan & klinikal, sains sosial, sastera & sastera ikhtisas dan sains tabii & warisan Negara. Tempoh projek penyelidikan yang dibenarkan adalah selama 2-3 tahun dengan siling peruntukan sebanyak RM250,000.

ii. Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS)

Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS) memfokuskan kepada penyelidikan yang boleh menjawab persoalan tentang "apa" dan "di mana". Penyelidikan eksploratori pada dasarnya bertujuan mencari sesuatu yang baharu dan menyingkap rahsia

yang terkandung dalam domain ilmu tersebut.

Di samping membantu ke arah penjaanaan disiplin baharu, penyelidikan eksploratori juga dapat mengenal pasti masalah yang berkaitan dalam bidang-bidang penyelidikan tertentu. Penyelidik boleh memohon sehingga maksimum tiga tahun penyelidikan dengan siling peruntukan sebanyak RM300,000.

iii. Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS)

Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) menawarkan peruntukan sebanyak RM3juta setahun. Tempoh projek yang ditawarkan hendaklah di antara 3 – 5 tahun. Penyelidik yang berminat memohon geran ini hendaklah memastikan bahawa penyelidikan yang dijalankan berupaya mempromosi kecemerlangan dalam penyelidikan yang mengembangkan sempadan ilmu, terutama dalam bidang-bidang *cutting edge* khususnya nic yang telah dikenal pasti.

Skim ini juga menekankan jalinan kerjasama keserakanan merentasi pelbagai institusi

dan bersifat multidisiplin, ianya penting bagi meletakkan Malaysia dalam peta dunia dari segi penyelidikan *fundamental* dalam nic-nic tertentu.

iv. Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)

Penawaran geran jenis ini dilihat menyelesaikan kekangan dimana kebanyakan hasil penyelidikan pembangunan prototaip tidak dapat dikomersilkan kerana penyelidikan masih di peringkat awal. Justeru, skim ini diwujudkan untuk merapatkan jurang antara penemuan penyelidikan dan pengkomersilan bagi tujuan penciptaan teknologi baharu selaras dengan keperluan K-Ekonomi dan pelaksanaan Model Ekonomi Baru.

Penemuan penyelidikan ini termasuklah pembuktian konsep (*proof of concept*), penilaian (*evaluation*), skala naik (*up-scaling*), ujian pra-klinikal (*pre-clinical testing*) dan ujian lapangan (*field testing*). Kos projek penyelidikan yang diperuntukkan tidak melebihi RM500,000 dengan tempoh penyelidikan maksimum sehingga dua tahun sahaja.

Jenis Skim Geran dan Tempoh Permohonan

Sumber : Kementerian Pengajian Tinggi

JENIS GERAN	TARIKH DIBUKA	TARIKH TUTUP*
1. Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS)	Awal Disember 2011	Akhir Disember 2011
2. Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)	Disember 2011	Januari 2012
3. Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS)	Disember 2011	Awal Februari 2012
4. Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)	Disember 2011	Pertengahan Mac 2012

*Tarikh tutup yang ditetapkan oleh RMIC, untuk diproses di peringkat UMT.

Tawaran Geran Penyelidikan 2012

Bil	JENIS GERAN	TARIKH BUKA	TARIKH TUTUP*	PERINCIAN
				
1.	Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS)	Awal Disember 2011	Akhir Disember 2011	Borang boleh dimuat turun di laman web RMIC: http://rmic.umt.edu.my atau http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php
2.	Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)	Disember 2011	Januari 2012	Borang boleh dimuat turun di laman web RMIC: http://rmic.umt.edu.my atau http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php
3.	Skim Geran Penyelidikan Eksploratori (ERGS)	Disember 2011	Awal Februari 2012	Borang boleh dimuat turun di laman web RMIC: http://rmic.umt.edu.my atau http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php
4.	Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)	Disember 2011	Pertengahan Mac 2012	Borang boleh dimuat turun di laman web RMIC: http://rmic.umt.edu.my atau http://jpt.mohe.gov.my/menupenyelidik.php












KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

5.	i. Science Fund ii. InnoFund iii. TechnoFund	Kitaran	Tarikh akhir penghantaran permohonan dana	Tarikh Penilaian Permohonan	Tarikh Pemakluman Keputusan	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) seperti berikut: http://www.mosti.gov.my
		1/2011	31 Disember 2011	1 Januari - 29 Februari 2012	1 Mac 2012	
		1/2012	29 Februari 2012	1 Mac - 10 Mei 2012	11 Mei 2012	
		2/2012	31 Mei 2012	1 Jun - 9 Ogos 2012	10 Ogos 2012	
		3/2012	31 Ogos 2012	1 September - 14 November 2012	16 November 2012	
		4/2012	31 Disember 2012	2 Januari - 18 Mac 2013	19 Mac 2013	

LAIN - LAIN

		Tarikh Penilaian Permohonan	Tarikh Pemakluman Keputusan	
6.	Knowledge Transfer Programme (KTP) Kementerian Pengajian Tinggi	14 Disember 2011	19 Januari 2012	Borang boleh dimuat turun di laman web RMIC: http://rmic.umt.edu.my
				

7.	Shariah Research Grant, BANK NEGARA MALAYSIA		Dibuka Sepanjang Tahun	Borang boleh dimuat turun di laman web RMIC: http://rmic.umt.edu.my atau http://www.bnm.gov.my
8.	Science & Technology Research Grants , TORAY		Januari 2012 1 Mei 2012	Borang boleh dimuat turun di laman web RMIC: http://rmic.umt.edu.my atau http://www.mtsf.org/main-page0.htm
9.	THE CLUB300 FOUNDATION FOR BIRD PROTECTION		Tarikh tutup : 1 Januari & 1 Julai setiap tahun	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web: http://www.club300.se/Birdprot/Birdprotection.aspx
10.	Ford Foundation, USA		Dibuka Sepanjang Tahun	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web: http://www.fordfoundation.org/Grants
11.	Intel Corporation		Tiada Tarikh Spesifik	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web: http://www.intel.com
12.	International Centre for Genetic Engineering and Biotechnology Funding		Sebelum 30 April setiap tahun	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web: http://www.icgeb.org/research-grants.html
13.	International Peace Research Association Foundation		Dibuka Sepanjang Tahun	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web: http://www.iprafoundation.org/application.shtml
14.	Mosanto Fund (International Grants)		Dibuka Sepanjang Tahun	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web: http://www.monsantofund.org/grants/international/
15.	The Rockefeller Foundation		Dibuka Sepanjang Tahun	Maklumat lanjut boleh didapati dari laman web: http://www.rockefellerfoundation.org/funding

Sumber: Suhaiti Mohd, RMIC

Penyelidik UMT terbaik di BioMalaysia, cemerlang di SIIF 2011

oleh: Mohd Izham Mohd A Wahid
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC)

BioMalaysia 2011 Conference & Exhibition (BioMalaysia 2011) telah diadakan pada 21 hingga 23 November 2011 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur.

Penyelidik UMT telah berjaya merangkul keseluruhan tujuh pingat daripada lapan produk/ inovasi yang dipertandingkan. Pingat-pingat tersebut terdiri daripada empat pingat emas dan satu pingat perak dan dua pingat gangsa.

Penyelidik yang telah memenangi pingat Emas ialah YBhg. Prof. Dr. Mohd Effendy Abd Wahid dan En. Thirukanthan Chandra Segaran dengan dua produk mereka, *Seagold Probiotic Liquid: Nutritional Health Supplement*, dan *Scalogel: Topical Wound Care Management*. Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim turut membawa pulang dua pingat Emas melalui dua produk iaitu *Improved Technique in Vital Copepod Production: Green Technology for Aquaculture*, dan *Biva-Meb Larvae for Larvae*.

Selain daripada itu, En. Mustafa Man memenangi pingat Perak hasil daripada produknya *SIDIF: Web Based Integration & Visualition Tools A Determinant of the Effectiveness & Efficiency for Artificial Reefs Development Project*. Pingat Gangsa turut disumbangkan oleh Prof. Madya Dr. Amiza Mat Amin, dengan produknya, *SILCPRO: Silver Catfish Frame Hydrolysate* manakala Dr. Mohd Ikmar Nizam Mohamad Isa yang bekerjasama dengan Prof. Madya Dr. W. Mohd Khairul W. Mohamed Zin untuk produk *Environmental Friendly-Proton Exchange Membrane Based on Cellulose: C-PEM* menambah bilangan Gangsa untuk UMT.

Seagold Probiotic Liquid rangkul anugerah "Biotechnology Innovation of the Year"

Penyertaan dalam BioMalaysia kali ini cukup bermakna kepada



Pengerusi BIOTECHCORP, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Zaharuddin Idrus tidak ketinggalan melawat ke ruang pameran.



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman melapangkan masa melawat gerai UMT.

Penyelidik UMT, iaitu Prof. Dr. Effendy Abd. Wahid dan Thirukanthan Chandra Segaran apabila produk mereka, *Seagold Probiotic Liquid: Nutritional Health Supplement* yang telah merangkul pingat Emas turut diumumkan sebagai penerima anugerah utama iaitu **'Biotechnology Innovation of The Year'**. Anugerah tersebut disampaikan oleh YBhg. Tan Seri Datuk Dr. Ahmad Zaharuddin Idrus, Pengerusi Malaysian Biotechnology Corp. Sdn. Bhd. (BIOTECHCORP), yang juga merupakan Pengerusi

Lembaga Pengarah UMT.

Produk yang diiktiraf dalam BioMalaysia 2011 ini mendapat perhatian meluas daripada pihak industri untuk mengintai potensi terhadap pembangunan dan penyelidikan serta pendedahan ke pasaran tempatan mahupun antarabangsa. Semoga produk ini akan terus dibangunkan untuk dikomersilkan kelak bagi memberikan pulangan hasil kepada penyelidikinya dan UMT secara amnya.

Seoul International Invention Fair (SIIF 2011)



Timbalan Pengarah RMIC, Prof. Madya Dr. Nora'Aini Haji Ali (berdiri paling kanan) bersama penyelidik UMT yang berjaya di Seoul, Korea.

Pada 1- 4 Disember 2011, UMT telah menyertai Seoul International Invention Fair 2011 (SIIF 2011) yang diadakan di Seoul, Korea Selatan. Acara ini merupakan pameran dan pertandingan produk penyelidikan peringkat antarabangsa yang diadakan secara tahunan. Menurut En. Suhaili Safei, yang bertindak selaku urus setia UMT, seramai lapan orang delegasi mewakili UMT dipilih untuk menyertai pameran ini dengan

diketahui oleh Prof. Madya Dr. Nora'Aini Haji Ali sebagai Ketua Delegasi UMT dan kumpulan penyelidik seramai enam orang terdiri daripada, Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim, Prof. Madya Dr. Noor Maizura Mohamad Noor, Prof. Madya Dr. Marinah Mohd Ariffin, Dr. Noraznawati Ismail, Haji Mohamad Zaidi Zakaria dan Mohd Fairuz Affandi Aziz.

Penyertaan dari Malaysia melibatkan tujuh buah universiti iaitu UMT, UMP, UNIMAS, UNIMAP,

UTM, UUM, dan UTeM serta penyertaan SIRIM Berhad dalam pameran. Delegasi ini diketuai oleh Dr. Wan Manshol Wan Zin, Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Agensi Nuklear Malaysia. SIIF 2011 yang dianjurkan oleh Korea Invention Promotion Association (KIPA) pada tahun ini telah berjaya menarik penyertaan 663 produk inovasi untuk bertanding daripada 31 buah negara seluruh dunia.

Pencapaian cemerlang Penyelidik UMT

Penyelidik UMT berjaya merangkul tujuh pingat daripada sembilan produk inovasi yang dipertandingkan. Pecahan pingat yang diperolehi terdiri daripada dua pingat Emas, tiga pingat Perak; dan dua pingat Gangsa. Kejayaan tersebut diperolehi melalui Prof. Madya Dr. Marinah Mohd Ariffin dengan produknya, *Benzomip-SPE* dan Mohd Fairuz Affandi Aziz, *Evo-7*

yang menyumbang pingat Emas. Selain daripada itu tiga pingat Emas masing-masing diperolehi oleh Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim, melalui produk *Biva-Meb Larva: Larvae for Larvae*, Prof. Madya Dr. Noor Maizura Mohamad Noor, *Hybicare System* dan Dr. Noraznawati Ismail melalui penghasilan produk *Tal Kit – Rapid Endotoxin Detection Kit*.

Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim turut menyumbang satu

pingat Gangsa melalui produknya, *Improved Technique in Vital Copepod Production: Green Technology for Aquaculture* dan Haji Mohamad Zaidi Zakaria, *New Technique for Measuring Fish Length Using Digital Image Processing Approach in Fish Population Study* turut membawa pulang pingat Gangsa untuk delegasi UMT.

UMT dan University Soka

jalin kerjasama anjur IPCB 2011

oleh : Mohd Akmal Hashim
Institut Bioteknologi Marin, IMB

Seminar siswazah “International Post Graduate Conference on Biotechnology” (IPCB 2011) telah berlangsung di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu baru-baru ini. Program yang dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar bin Mohamed Shazili. Institut Bioteknologi Marin (IMB) bersama Universiti Soka dari Jepun merupakan urus setia utama persidangan selama tiga hari ini, turut mendapat kerjasama daripada Pejabat Bendahari, Sekolah Siswazah, Pejabat Komunikasi Korporat, dan juga Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Objektif utama persidangan ini adalah bagi menyediakan landasan atau platform kepada pelajar dan pensyarah untuk membentangkan kemajuan penyelidikan dalam pengajian masing-masing. Selain itu, para peserta juga dapat berkongsi pengalaman dan idea dalam bidang pengajian yang pelbagai serta membentuk kolaborasi bagi menjalankan projek-projek baharu yang akan membawa kepada penemuan signifikan demi kebaikan pada masa hadapan.

Persidangan ini telah dihadiri seramai 84 orang peserta, dengan 25 penyertaan adalah daripada Soka University dan selebihnya dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia. Peserta-peserta yang menghadiri persidangan ini terdiri daripada pelbagai disiplin pengajian dan penyertaan mereka telah dibahagikan kepada lima skop



penyelidikan iaitu, bioteknologi haiwan, bioteknologi tumbuhan, bioteknologi mikrob, ekologi marin, penemuan ubat-ubatan dan juga teknologi persekitaran dan biologi. Di samping itu, majlis turut diserikan dengan kehadiran tiga tetamu kehormat iaitu Prof. Dr. Farida Habib Shah, bekas pengarah di Institut Bioteknologi Melaka, Prof. Madya Dr. Sharifah Syed Hassan, pensyarah di Universiti Monash kampus Sunway dan juga Prof. Norio Kurosawa, profesor daripada Universiti Soka, Jepun.

Antara inti pati yang dijalankan sepanjang seminar ini adalah pameran poster, pembentangan oral, dan juga ceramah daripada

pakar-pakar dalam pelbagai bidang dari dalam dan luar negara seperti YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, Dr. Tatsuki Toda, Dr. Ryota Nakajima serta Dr. Victor Kuwahara. Impak daripada program ini, para pelajar, penyelidik dan juga pensyarah dapat membentangkan hasil penyelidikan mereka di samping melahirkan pandangan serta kritikan untuk memantapkan penemuan masing-masing. Lanjutan daripada itu, seminar ini juga diharapkan dapat menggalakkan serta menjadi asas ke arah pertumbuhan idea-idea baharu untuk faedah bersama.



INComS anjur Seminar Kerjaya

oleh: Dr. Chong Ju Lian
Ahmad Ashadi bin Mohamad@Asmara
Pusat Jaringan Industri dan Khidmat Komuniti (INComS)

Pada 14 Disember 2011, Pusat Jaringan Industri dan Khidmat Komuniti (INComS) dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Jabatan Sains Biologi, Fakulti Sains dan Teknologi telah menganjurkan Seminar *Careers in Biodiversity & Conservation: Marketability, Challenges & Opportunities* yang berlangsung di Auditorium Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ). Seminar kerjaya ini bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai kepelbagaian kerjaya dalam bidang pemuliharaan dan biodiversiti kepada pelajar UMT melalui perkongsian pandangan, pengalaman dan idea dengan pakar-pakar dari bidang tersebut. Selain itu, ia juga bertujuan memberi peluang dan menyediakan wahana untuk membina jaringan kerjaya dan industri melalui interaksi bersama-sama pakar-pakar ini.

Sempena penganjuran seminar ini, dua aktiviti menarik telah diadakan iaitu permainan dan pameran pemuliharaan alam sekitar yang dikendalikan oleh



Kreatif...selain aktiviti ceramah, pameran maklumat berkaitan kerjaya turut diadakan untuk tatapan pengunjung.

pelajar tahun 1 Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti). Aktiviti permainan telah diadakan pada 13 Disember 2011 manakala pameran pula berlangsung dari 13 hingga 14 Disember 2011. Kedua-dua acara ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelajar dan kakitangan.

Sesi ceramah telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Maketab Mohamed, Presiden Malaysian Nature Society (MNS), En. Wong Siew Te, CEO & Pengasas Bornean Sun Bear Conservation Centre (BSBCC), Pn. Daria Mathew,

Freshwater Coordinator (Peninsular & East Malaysia) Freshwater and Wetlands Programme WWF-Malaysia Peninsular Malaysia dan En. Lim Teck Wyn, Resource Stewardship Consultants Sdn. Bhd.

Secara keseluruhannya, seramai 89 orang pelajar tahun 1, 2 dan 3 daripada Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti, tiga wakil daripada Malaysian Nature Society (cawangan Pahang) telah menghadiri seminar ini dan menunjukkan minat melalui soalan yang diajukan kepada pakar tersebut.

Pameran Buku UMT

Peluang tebus Baucar Buku 1Malaysia

oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

Dalam belanjawan 2012 yang telah dibentangkan pada tahun lalu, kerajaan Malaysia telah meluluskan pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) bernilai RM200.00 kepada pelajar-pelajar IPTA yang berdaftar. Pemberian baucar ini adalah bertujuan untuk mendorong pelajar-pelajar untuk membeli buku pembelajaran dan juga menggalakkan mereka menyemai amalan mencintai ilmu. Sejalan dengan perkembangan itu, PSNZ telah mengadakan Pameran Buku UMT bermula pada 10 hingga 14 Januari 2012 bagi menyediakan platform yang sesuai kepada pelajar-pelajar untuk membeli buku dengan menggunakan Baucar Buku 1Malaysia telah diberikan kepada mereka.

Pameran ini telah diadakan di ruang pameran utama PSNZ dan



Sebahagian pelajar tekun memilih buku untuk menebus Baucar Buku 1Malaysia.

telah disertai oleh 12 kontraktor buku dan tujuh penerbit buku universiti. Pihak kontraktor buku dan penerbit universiti telah mempamerkan bahan bacaan yang bersesuaian dengan keperluan pelajar dan dengan harga yang berpatutan. Pameran ini menerima sambutan yang amat menggalakkan dari para pelajar yang mengambil peluang untuk menggunakan

kemudahan baucar buku dari kerajaan ini dengan membeli buku rujukan mengikut keperluan mereka. Selain daripada pelajar, pameran ini juga turut menerima kunjungan dari pensyarah dan kakitangan universiti yang turut mengambil kesempatan untuk bersama-sama menyemai budaya membaca dalam kalangan warga universiti.

Pameran Poster Penyelidikan oleh Pelajar-pelajar Fakulti di PSNZ

oleh: Mohd Shahrulnizam Zuraimi
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

Salah satu daripada aktiviti promosi PSNZ adalah menjalinkan kerjasama dengan pihak fakulti untuk menganjurkan pameran poster penyelidikan berkaitan dengan bidang kajian mereka di Ruang Pameran Utama PSNZ. Sepanjang tahun 2011, PSNZ telah bekerjasama untuk menganjurkan lima pameran poster penyelidikan yang disediakan oleh pelajar-pelajar dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin dan Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan dengan menyediakan peralatan dan tempat pameran.

Poster yang dipamerkan oleh para pelajar ini akan dinilai oleh



Sebahagian pelajar tidak melepaskan peluang melihat salah satu produk yang dipamerkan oleh penyelidik UMT.

pensyarah dan secara langsung akan memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai pengurusan pameran dan ekspo penyelidikan. Sebanyak 253 poster telah dipamerkan dan daripada jumlah tersebut, 40 poster adalah di bawah tajuk produk mengenai Terengganu, 60 poster mengenai ekspo pembentangan akhir projek ilmiah IPTA, 60 poster berkaitan reka bentuk dan grafik bagi subjek MMT 3101, 60 poster memaparkan aktiviti pelajar di peringkat

antarabangsa dan 33 poster berkaitan dengan isu-isu marin.

PSNZ berhasrat untuk menggalakkan lagi penyertaan berkaitan pameran poster penyelidikan ini pada tahun 2012 sebagai usaha menyokong pengajaran dan penyelidikan di UMT di samping dapat memberi ruang kepada pelajar meningkatkan lagi kemahiran komunikasi semasa pembentangan dan penerangan mengenai poster penyelidikan yang dipamerkan.

Program PBL

Kaedah Inovasi Dunia Pengajaran dan Pembelajaran

oleh : Noor Hazila Hashim
Pusat Kualiti dan Pembangunan Akademik

Pembelajaran Berasaskan Masalah atau *Problem-based Learning* (PBL) telah menarik perhatian dunia pengajaran dan pembelajaran sebagai satu kaedah inovasi yang melibatkan pelajar untuk belajar secara mendalam dan membangunkan pelbagai kemahiran profesional terutamanya pembelajaran sendiri dan penyelesaian masalah. Kaedah ini telah diaplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk bidang perubatan, sains, kejuruteraan dan perniagaan. Di samping dapat meningkatkan kemahiran profesional pelajar, PBL turut membantu universiti dalam mengukuhkan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Pusat Kualiti dan Pembangunan Akademik sekali lagi menjemput Prof. Madya Dr. Khairiyah Mohd Yusof dari Universiti



YBhg. Prof. Dr. Md. Yazid Mohd Saman, peserta senior yang aktif memberikan maklum balas.

Teknologi Malaysia (UTM) untuk memantapkan dan seterusnya melengkapkan siri bengkel PBL pada tahun 2011. Bengkel Peningkatan Profesionalisme Pensyarah (Siri PBL – 2) telah berjalan dengan jayanya bertempat

di Awana Kijal Golf, Beach & Spa Resort pada 27 – 29 Disember 2011.

Salah seorang peserta senior iaitu YBhg. Prof. Dr. Md. Yazid Mohd Saman telah memberi respons yang amat positif terhadap penganjuran bengkel ini. Beliau yang merupakan peserta aktif dan dinamik telah membangunkan sebuah blog PBL bagi memberi ruang dan peluang kepada pensyarah UMT untuk berkongsi informasi pengajaran dan pembelajaran terutamanya kaedah-kaedah SCL. Blog yang dibangunkan tersebut boleh dilayari melalui <http://ontl.blog.umt.edu.my/problem-based-learning/>. Usaha perkongsian berterusan ini diharapkan dapat dijadikan medan ilmu bagi menambah baik pengajaran dan pembelajaran di UMT.

PKPA anjur Bengkel Penyediaan Ujian dalam Talian

oleh : Mohd Hafriz Nural Azhan
Pusat Kualiti dan Pembangunan Akademik

Pusat Kualiti dan Pembangunan Akademik (PKPA) UMT telah mengorak langkah baharu bagi memperkenalkan modul ujian atas talian di dalam MyLearn dengan menganjurkan Bengkel Penyediaan Ujian dalam Talian dan Item Soalan pada 30 Oktober 2011. Program ini telah dihadiri oleh 24 pensyarah yang kebanyakannya terdiri daripada pensyarah-pensyarah yang aktif menggunakan e-Pembelajaran sebagai medan pengajaran dan pembelajaran masing-masing.

Bengkel sehari ini adalah untuk memperkenalkan kepada pensyarah cara penyediaan ujian dalam talian dengan menggunakan modul yang telah disediakan di dalam MyLearn. Pensyarah juga diajar menggunakan alatan bantuan untuk memuat naik soalan secara automatik ke dalam bank soalan. Bengkel ini sangat penting bagi membantu pensyarah yang mempunyai jumlah bilangan pelajar yang besar yang mana ia



dapat mengurangkan penggunaan kertas setiap kali kuiz atau ujian dilaksanakan. Malahan, ia dapat menjimatkan masa pensyarah kerana markah dan jawapan pelajar diperiksa secara automatik. Di samping itu, penggunaan aktif pensyarah secara refleksinya akan mendorong penggunaan lebih aktif oleh pelajar.

Secara keseluruhannya penganjuran bengkel kali ini

mendapat respons yang amat baik dari pensyarah. Malahan pensyarah UMT telah berjaya mengadakan ujian dalam talian untuk 1200 pelajar dalam satu masa. Ini menunjukkan impak penganjuran bengkel ini dapat membantu pensyarah dalam menggunakan MyLearn secara lebih berkesan di samping dapat meningkatkan kepenggunaan Sistem e-Pembelajaran di UMT.

Program Syarahan Umum oleh **Prof. Dr. Alan A. Lew**

oleh : Dr. Marhana Anuar
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Pada 29 Jan 2012, bertempat di bilik Tutorial Ilmu, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu telah berlangsung program syarahan umum bertajuk *Tourism Researching, Writing and Publishing: A Journal Editor's Perspective* yang disampaikan oleh Prof. Dr. Alan A. Lew iaitu seorang profesor di Jabatan Geografi, Perancangan dan Rekreasi dari Northern Arizona University. Prof. Alan merupakan seorang profesor yang berpengalaman luas dan pakar di dalam bidang pelancongan. Beliau juga aktif dalam penulisan jurnal. Beliau telah menerbitkan banyak buku dan artikel-artikel jurnal dalam bidang pelancongan. Prof. Alan juga merupakan pengasas kepada *Journal Tourism Geographies*.

Syarahan umum ini dianjurkan oleh Jabatan Pengurusan dan Pemasaran Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, UMT. Program ini telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Pengurusan dan Pemasaran iaitu Prof. Madya Dr. Shaladin bin Muda dan dihadiri oleh kira-kira 70 orang termasuk dekan, timbalan dekan, ketua jabatan, pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar siswazah. Program bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengah hari.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan pensyarah dan pelajar siswazah dalam menghasilkan penyelidikan dan penulisan yang bermutu tinggi di dalam bidang pelancongan khususnya. Hadirin telah didedahkan dengan kaedah dan cara penulisan jurnal penyelidikan yang berkualiti dan bagaimana sesuatu jurnal itu dinilai mengikut kehendak editor. Pendedahan sebegini amatlah penting kepada ahli akademik untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti.

Pihak jabatan dan fakulti merasa begitu bersyukur dan bertuah dengan kehadiran seorang pakar yang sedia berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan warga universiti di sini. Demi memperkasakan warga universiti, fakulti juga bercadang untuk mengadakan program-program sebegini pada masa depan.



Prof. Dr. Alan A. Lew pengasas kepada Journal Tourism Geographies.

Program USR : Mendekati Komuniti Orang Asli di Royal Belum

oleh: Dr. Hayati Mohd Yusof
Nasrenim Suhaimin
Jabatan Sains Makanan, FASM

Pada 31 Oktober hingga 1 November 2011, seramai 20 orang pelajar Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) kursus STM3204, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan telah menjalankan susulan kedua program USR untuk komuniti Orang Asli di Lembah Belum, Perak di bawah Program Penggalakan Pemakanan dan Kesihatan. Program ini adalah program susulan khidmat komuniti Jabatan Sains Makanan yang pernah dijalankan di bawah Program Jangka Pendek KUSTEM pada tahun 2002 untuk komuniti Orang Asli Lembah Belum.

Lawatan pertama yang dilakukan mendapati komuniti ini mengalami masalah kekurangan berat badan, lebih berat badan, tahap kolestrol dan gula dalam badan yang tinggi serta masalah kekurangan air dalam badan (dehidrasi). Justeru, susulan di adakan pada tahun 2004 di bawah kursus MKN3204 dengan memberi penekanan kepada pendidikan pemakanan melalui demonstrasi masakan dan penjagaan pemakanan serta kesihatan secara umum.

Susulan kedua ini pula lebih memberi tumpuan terhadap status iodin kanak-kanak Orang Asli yang memberi kesan ke atas pertumbuhan dan perkembangan intelektual mereka. Ekspedisi kali ini dikembangkan ke lokasi yang lebih jauh iaitu perkampungan sekitar Sungai Tiang di bahagian utara dan perkampungan Chiong di bahagian selatan yang jarang dikunjungi



Sesi kajian sedang dijalankan.



Pelajar-pelajar yang terlibat: Lam Toh Wai (Ketua), Habsah, Liyana, Sumathi, Pamela, Hidayah, Khairunisa', Atikah, Najibah, Yefei, Mei Hui, Syukran, Murnirah, Husna, Chiew Ping, Bushra, Shelly, Aisyah, Suraya dan Izzati.

oleh orang luar. Program ini turut disertai oleh empat orang staf yang memberi khidmat nasihat kepada pelajar dan merakamkan suasana perjalanan program. Para pelajar didedahkan kepada komuniti yang unik ini untuk membuat kajian bagi menentukan status pemakanan dan memberi khidmat nasihat mengenai pemakanan dan penjagaan kesihatan.

Hasil dari kajian susulan ini, para pelajar mendapati daripada 130 orang kanak-kanak 68% mengalami masalah kebantutan, 59% mengalami masalah kekurangan berat badan dan 42% mengalami masalah anemia. Manakala hanya 17% kanak-kanak Orang Asli ini mengalami masalah iodin hasil dari kecekapan pihak Jabatan Kesihatan Daerah Gerik yang sentiasa

menyediakan garam beriodin kepada penduduk semasa lawatan rutin dijalankan. Kajian ini turut dijalankan kepada 88 orang dewasa yang menunjukkan 30% daripada mereka mengalami masalah berat badan berlebihan, 5% kekurangan berat badan, 27% mempunyai tahap kolestrol yang tinggi dan 46% mempunyai aras trigliserida (sejenis lemak) yang tinggi.

Setinggi penghargaan diberikan kepada Jabatan Kebajikan Orang Asli (JKOA) dan Jabatan Perhilitan Daerah Hulu Perak di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Pengarah INComS dan pihak lain yang terlibat kerana memberi sokongan padu dalam menjayakan program USR ini.

1st International Conference on Accounting, Business & Economics 2011 (ICABEC 2011)

oleh : Dr. Hafiza Aishah Hashim
Fakulti Pengurusan Ekonomi

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) telah berjaya menganjurkan satu persidangan antarabangsa iaitu *1st International Conference on Accounting, Business & Economics 2011 (ICABEC 2011)* pada 1 dan 2 November 2011 bertempat di Primula Beach Resort Kuala Terengganu. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazli.

Bertemakan '*Ethics and Sustainability*', ICABEC 2011 telah menjemput En. Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, *Executive Chairman of Audit Oversight Board, Securities Commission of Malaysia* selaku pengucap utama seminar. Delegasi-delegasi seminar terdiri daripada peserta-peserta dari dalam dan luar Malaysia. Seramai 113 orang peserta dari dalam negara dan 23 orang peserta dari luar negara telah mengambil



peluang menyertai ICABEC 2011 yang pertama kali dianjurkan ini. Para peserta dari Universiti of South Africa, Indonesia School of Economics Surabaya, Tokyo Keizai University, Prince Sultan University, Vietnam National University, Curtin University Australia, Punjab Technical University, Rajarata University of Sri Lanka, University of Capetown, NIDA Business School of Thailand, Mahasarawati Denpasar Universiti Indonesia, Universitas Jenderal Achmad Yani Indonesia, Univeristy of Ljubljana dan Helwan

University turut mengambil peluang untuk menghadiri dan membentangkan hasil kerja mereka bagi penilaian umum. Selain itu, peserta-peserta dari 19 buah universiti, kolej dan institut dalam negara termasuk UMT, UM, UUM, UPM, UTHM, UiTM, UIA, UNIMAS, UTM, UMS, UKM, UPNM, UNITEN, MMU, UTAR, USIM, INTI, KPM dan FRIM turut tidak ketinggalan untuk berkongsi bersama hasil penyelidikan di dalam persidangan itu.

Persidangan selama dua hari ini telah berlangsung dengan jayanya dan sebanyak sembilan buah kertas kerja telah dipilih sebagai kertas kerja terbaik dari tiga bidang utama iaitu perakaunan, pengurusan dan ekonomi. Sambutan yang menggalakkan dan komen positif para peserta ICABEC 2011 akan menjadi pemacu untuk pelaksanaan 2nd ICABEC 2012 di Kuantan, Pahang pada tahun 2012 nanti.

USR Program Pendidikan Pemakanan Kepada Kanak-kanak

oleh: Dr. Hayati Mohd Yusof
Nasrenim Suhaimin,
Jabatan Sains Makanan, FASM

Kanak-kanak di Pulau Redang dan Pulau Perhentian telah dipilih oleh sekumpulan pelajar Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) di bawah pengendalian kursus STM3204 (Pemakanan Komuniti) untuk program USR Pendidikan Pemakanan kepada Kanak-kanak. Projek ini merupakan susulan kajian yang pernah dijalankan pada tahun 2004 (di bawah Projek Jangka Pendek KUSTEM) dan susulan program USR 2010 yang mendapati kanak-kanak di Pulau Redang dan Pulau Perhentian mengalami masalah kekurangan iodin. Justeru,



Aktiviti USR di Pulau Perhentian yang mendapat sambutan baik oleh kanak-kanak ini.

program USR susulan ini diadakan bagi meninjau semula tahap iodin di kalangan kanak-kanak sekolah rendah di kedua-dua pulau tersebut di samping memberi khidmat nasihat mengenai pemakanan dan penjagaan kesihatan.

Semasa program dijalankan,

kanak-kanak ini juga dibekalkan dengan garam beriodin bagi meningkatkan lagi tahap kesihatan mereka. Hasil dari program ini, penganjur mendapati kanak-kanak di kedua-dua pulau ini masih mengalami masalah iodin yang agak ketara.

Pertandingan Drama Bahasa Moden

oleh: Mariati Mat Salleh@Md Nor
Fakulti Pembangunan Sosial

Berepatan dengan slogan “Membangun Bersama Komuniti”, Fakulti Pembangunan Sosial, melalui Jabatan Bahasa dan Komunikasi telah berjaya menganjurkan Pertandingan Drama Bahasa Moden kali ke-7. Pertandingan ini telah dirasmikan oleh Ketua Jabatan Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Pembangunan Sosial, Dr. Che Hasniza binti Che Noh. Program ini diadakan untuk memberi peluang kepada para pelajar mengaplikasikan bahasa yang dipelajari dan memberi keyakinan kepada mereka untuk bertutur bahasa asing dengan baik dalam masyarakat setempat mahupun antarabangsa. Fakulti ini menawarkan empat bahasa asing sebagai kursus elektif iaitu bahasa Arab, bahasa Jepun, bahasa Perancis dan bahasa Mandarin. Manakala bagi kursus bahasa Melayu pula ditawarkan sebagai kursus wajib kepada pelajar antarabangsa di universiti ini.

Pertandingan ini berjaya mencungkil bakat dan kemahiran bertutur para peserta dalam bahasa asing. Sebanyak 17 kumpulan yang membuat persembahan iaitu pelajar kursus bahasa Arab, bahasa Mandarin, bahasa Perancis, pelajar kursus bahasa Jepun dan bahasa Melayu.

Pertandingan drama bahasa moden kali ini dimonopoli oleh pelajar bahasa Jepun dan bahasa Perancis. Pelajar bahasa Jepun telah mengungguli tempat pertama dengan drama bertajuk “Himitsu Noniwa” yang bermaksud *Secret Garden*. Drama ini bercorak romantik dan misteri, mempunyai unsur kejutan dan mampu membuatkan penonton terpuakau dengan jalan ceritanya, persembahan yang cukup mantap dan para pelajarnya berjaya menguasai bahasa Jepun dengan baik sekali.

Kemenangan ini diikuti oleh



Selain aspek pertuturan dan kreativiti, keupayaan pelajar menghayati watak turut diberi perhatian oleh para juri pertandingan tersebut.



Salah satu persembahan menarik daripada peserta.

persembahan bahasa Perancis yang berjaya memperoleh tempat kedua dan ketiga manakala tempat keempat sekali lagi dimenangi oleh bahasa Jepun, tempat kelima bahasa Mandarin dan tempat keenam bahasa Perancis. Bagi anugerah pelakon lelaki dan wanita terbaik berjaya dirangkul oleh dua pelakon utama drama “Himitsu Noniwa”. Kategori ini dinilai dari aspek kemahiran bertutur, penghayatan dalam watak, disiplin dan kreativiti. Bagi peserta yang tidak berjaya diharapkan tidak berputus asa dan lebih gigih dalam menguasai kemahiran komunikasi bahasa asing yang mereka pelajari.

Pihak Jabatan amat berterima kasih dengan kesudian juri hakim yang dijemput khas dari Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud dan Universiti Sultan Zainal Abidin bagi mengadili pertandingan drama ini yang telah diadakan pada 10 Disember 2011.

Semoga pertandingan drama ini diteruskan pada masa akan datang kerana program ini menjadi landasan utama bagi para pelajar membina keyakinan diri dalam menguasai bahasa-bahasa asing yang dipelajari. Sekali gus membina sikap positif, kepimpinan, daya saing, kreatif dan kerjasama dalam diri pelajar-pelajar UMT.

AKUATROP

kaji penghasilan ketam berkulit lembut melalui KIK

oleh: Muhammad Haniff Mohd Yusoff
Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP)

Institut Akuakultur Tropika (AKUATROP) sedang giat menjalankan penyelidikan berkaitan ternakan ketam bakau. Salah satu kajian yang dijalankan ialah penghasilan ketam kulit lembut menggunakan kaedah *Limb Autotomy*. Apakah *Limb Autotomy*? *Limb Autotomy* merupakan kaedah yang digunakan untuk merangsang ketam bersalin kulit lebih awal daripada tabiat semula jadi dengan cara memberikan tekanan/ memotong kesemua kaki jalan dan sepi ketam kecuali kaki renang.

Teknik ini adalah amat berkesan kerana boleh mempercepatkan tempoh ketam bersalin kulit. Apabila ketam bersalin kulit, keadaan badannya dalam keadaan lembut dan ketam akan dituai serta merta dan dimasukkan ke dalam peti sejuk bagi mengelakkan kulitnya kembali keras. Ketam kulit lembut mempunyai harga yang tinggi iaitu RM28.00/ kilo berbanding ketam biasa RM15.00/ kilo. Isi ketam kulit lembut boleh dimakan secara keseluruhannya tanpa perlu dikupas kulitnya kerana badannya dalam keadaan lembut.

Namun begitu, kaedah ini mempunyai beberapa kekurangan lain iaitu tempoh purata ketam bersalin kulit adalah panjang (35 hari), kadar hidup ketam pada kadar 85%, purata ketam bersalin kulit rendah (58% dalam tempoh 35 hari) dan mendapat maklum balas yang negatif daripada masyarakat. Dari soal selidik yang dijalankan oleh staf AKUATROP, 74 % responden daripada 150 orang yang disoal menyatakan kaedah ini menyeksa dan menzalimi haiwan (ketam).

Hal ini mendorong Dr. Mhd. Ikhwanuddin @ Polity Abdullah, pensyarah AKUATROP menubuhkan Kumpulan Inovatif



Ketam Bakau antara spesies ternakan akuatik yang sedang giat dikaji di AKUATROP.



Ketam kulit lembut mempunyai harga yang tinggi di pasaran.

dan Kreatif (KIK) AKUATROP pada awal 2010 bagi mencari kaedah lain bagi menghasilkan ketam kulit lembut. Dr. Ikhwanuddin yang bertindak sebagai fasilitator kumpulan ini, mula menjalankan penyelidikan terhadap ketam pada tahun 2000 lagi sewaktu beliau masih berkhidmat sebagai Pegawai Perikanan di Jabatan Perikanan Sarawak di Semantan, Sarawak. Kumpulan KIK AKUATROP ini dikenali sebagai *AQUATROOPERS* yang dianggotai oleh sembilan orang ahli dan diketuai oleh Pegawai Sains di AKUATROP, En. Azmie Ghazali.

Melalui beberapa siri perbincangan yang dibuat oleh ahli kumpulan, terdapat tiga kaedah alternatif yang dicadangkan untuk menghasilkan ketam kulit lembut iaitu menggunakan kawalan suhu untuk mempercepatkan ketam bersalin kulit, menggunakan

perbezaan tahap kemasinan air (saliniti) untuk mempengaruhi ketam bersalin kulit dan merangsang ketam bersalin kulit dengan menyuntik hormon di bahagian tertentu pada abdomen ketam.

Setelah beberapa siri kajian awal yang dijalankan, kaedah kawalan suhu adalah kaedah alternatif yang lebih berkesan untuk menghasilkan ketam kulit lembut. Kaedah ini digelar *AKUATROP Softshell Crab Using Temperature* atau ringkasnya *ASCuTe*. Melalui kaedah ini, ketam akan diternak di dalam tangki fiber yang bertingkat dengan kawalan suhu pada suhu yang optimum (30-34°C) sepanjang tempoh ternakan. Keadaan ini dapat merangsang ketam supaya merembeskan hormon untuk bersalin kulit iaitu *20-Hydroxyecdysone* dan *Methyl-Farnesoate* atau dengan kata lain

suhu air ternakan dikawal bagi merangsang proses ketam bersalin kulit. Kaedah ini menjimatkan masa, mengurangkan kos, mengurangkan penggunaan ruang serta tidak bertidak kejam kepada ketam.

Penambahbaikan yang diperolehi hasil daripada kaedah ASCuTe berbanding *Limb Autotomy* dapat mengurangkan tempoh purata ketam bersalin kulit (28 hari), kadar hidup ketam tinggi (95%), kadar bersalin kulit adalah tinggi (98% dalam tempoh 28 hari). Pengurangan tempoh bersalin kulit adalah sebanyak tujuh hari dan ini mengurangkan kos operasi sebanyak 12% dan meningkatkan kadar pusingan ternakan setahun. Selain itu, kaedah ini dapat menghasilkan ketam kulit lembut tanpa perlu memberi tekanan/ memotong kaki ketam dan seterusnya dapat mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap industri ternakan ketam kulit lembut. Penggunaan sistem ternakannya yang menggunakan tangki bertingkat mampu mengurangkan penggunaan ruang dan seterusnya dapat mengelakkan penebusgunaan tanah untuk tujuan pembukaan kolam seperti yang dilakukan oleh penternak kolam secara konvensional.

Hasil daripada kajian tersebut, AKUATROP telah menyertai Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) UMT kali pertama yang diadakan pada 4 Januari 2012 bertempat di Auditorium Mahyuddin, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Kumpulan *AQUATROOPERS* ini telah berentap dengan lima lagi kumpulan daripada PTJ yang lain. Kesungguhan *AQUATROOPERS* membuahkan hasil setelah dinobatkan sebagai Naib Johan dalam konvensyen tersebut dan membawa pulang hadiah kemenangan berbentuk wang tunai berjumlah RM750.00, sijil serta piala dan sekali gus melayakkan *AQUATROOPERS* bersama dua kumpulan yang lain mewakili UMT di Konvensyen KIK antara Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang dijadualkan pada bulan Mac 2012 bertempat di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM).

Walaupun kemenangan yang dikecapi hanya di peringkat



Kaedah Limb Autotomy dianggap kejam oleh masyarakat kerana menzalimi ternakan (ketam).



Sistem ASCuTe menggunakan tangki fiber yang bertingkat dengan kawalan suhu (30-34%).



AQUATROOPERS bergambar bersama Pengarah AKUATROP, YBhg. Prof. Dr. Anuar Hassan selepas sesi penyampaian hadiah semasa Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif.

dalam UMT, kemenangan ini sangat memberi makna kepada seisi warga AKUATROP kerana ia melambangkan kerjasama yang telah terjalin, toleransi serta komitmen yang tinggi di kalangan staf telah membuahkan hasil dan

diiiktiraf. Secara tidak langsung, ia dapat menyuntik lagi semangat kepada seluruh warga AKUATROP agar dapat bekerja dengan lebih tekun di masa hadapan bagi memajukan serta memperkenalkan UMT di serata dunia.

Wave Energy

Potential in Kuala Terengganu

by : Azizi Ali, AmalinXa
INOS

Project Background

Wave and current mapping project in Terengganu Waters is an objective of Oceanography and Environmental Institute (INOS) in the current data needs in Malaysia. Beginning in 2009, the Institute of Oceanography and Environmental (INOS) has planned, installed and measured an apparatus known as the Acoustic Acoustic Wave Current (AWAC) in Terengganu waters in an effort to map wave and currents energy in the season before and after the monsoon. Therefore, SIRIM Malaysia has signed a MoU in the mapping study of wave energy with UMT (INOS) known as Wave Energy Mapping Research Project. This project started in early 2011 which involved the installation of wave parameter measurements at several locations of Terengganu, Sabah and Pulau Langkawi.

Do We Realize It?

As our country becomes increasingly modernized, energy demand goes up. It is generally acknowledged that everything in our world today depends on having the power to keep them running. Everything we need and enjoy is plugged into a wall socket and requires electricity. As long as the electricity is available, no one thinks much about it. Nevertheless, try to take time for a while and look out into the future from where we are now. Do we realize that the energy sources will eventually run out and we now have to face a serious problem of depletion of essential resources?

Ocean wave energy potential


Ocean wave energy has the potential to contribute significant amount of renewable energy to the

world's energy demands.


The viability of energy wave commercialization is tremendous, as it has been recognized to have the fastest growth rate compared to all other energy sources. It has been estimated that if less than 0.1% of the renewable energy available within the oceans could be converted into electricity, it would satisfy the present world demand for energy more than five times over. These energy sources are abundant and free to use. Therefore, we must be sure that we convert the energy with the right way without causing other problems that can again hurt our environment.

Research Objective

In practical application, the purpose of this research is to mapping the potential area and location for deployment of Wave Energy



Result of Mean Wave Period, Significant Wave Height and Wave Power for Kuala Terengganu area



Bathymetry of Kuala Terengganu


Converter (WEC) units in Malaysia. The more detailed the knowledge of the wave climate at a particular site, the easier it is for designers of wave energy systems to optimize the technology. Therefore, in the scientific application, the purpose of this research is to obtain the best model result of wave properties from the simulation.

Background of Kuala Terengganu Model

The study area of interest in Kuala Terengganu is bounded by latitude 5°15' N to 5°36' N and longitude 103°0' E to 103°18' E. The instrument used to collect the data is Acoustic Wave and Current (AWAC). Numerical simulations have been carried out to study wave features prevailing along the Kuala Terengganu coast.

Result Of Kuala Terengganu Model

The basic outputs from the simulations are significant wave height (H_{m0}), mean wave period (T_{m0}), mean wave direction (θ_m) and



Deployment of AWAC

directional standard deviation (DSD). The validation processes were carried out to compare between the model and measured data. Hence, only two outputs, which are significant wave height and mean wave period from the simulation result which then be used as the input to calculate the wave power.

The wave power recorded for these periods averaging around 0.4kW/m to 1.3kW/m. Although the available wave power is low, the accessible wave power of Kuala Terengganu is still a considerable energy source.

In conclusion, Malaysia has a great potential for wave energy resource but the cost is high.

“I was worried”

by: Zuraidah Nasution,
Food Science Department, FASM
Photos: courtesy of students involved in
LI 2011 and PKL 2011

“It is not a secret that there has always been some tension when people talk about the relationship of these two neighbouring countries. I was worried on how people here would accept me, worried if there would be language barrier, worried of cultural differences. I was worried”, uttered a student from Bachelor of Agricultural Technology (Food Technology) from Department of Food Industrial Technology, FTIP, UNPAD, prior to her departure from Indonesia to go to UMT for their *Praktek Kerja Lapang* (Field Work Practices – PKL) program. Similar concern also lingered few months earlier in the mind of two students of Bachelor of Food Science (Food Service and Nutrition) from the Department of Food Science, FASM, UMT, who carried out their *Latihan Industri* (Industrial Training – LI) program at *Bandoengsche Melk Centrale* (Bandung Milk Centre – BMC), one of the oldest and established food premises in Bandung.

Following academic cooperation that has been established since 2009, the Department of Food Science, FASM, UMT and Department of Food Industrial Technology, FTIP, UNPAD agreed to exchange their students in 2011 for their internship program. On the day of arrival, the two students from UMT, Wang Boon Phoey and Mohd Hafiz Abdul Aris, received a warm welcome from the company staff and were introduced to several Head Departments in BMC where they would be having their internship activities.

During their LI program, the students were rotated to several departments within BMC, namely Milk Processing Department, Pastry & Bakery Department, and Restaurant & Outlets Department, where they got the chance to apply as well as strengthen the skills and knowledge they have got during their study while learning many new things. In Milk Processing Department, they learned many things such as handling and processing for milk-based for instance yoghurt, ice cream, gelato, kefir, and pasteurized flavoured milk, quality control and HACCP system especially for milk-based products. The students also learned the production and handling of varieties of pastry and bakery products during their attachment at the Pastry & Bakery Department, including some products that are

popular in local market like *peuyeum molen*, *pisang molen*, *batagor*, and *risoles*. As an addition, they also experience to be attached to all sub-departments in the Restaurant & Outlets department, such as front of the house (service) both in BMC’s main restaurant at Jalan Aceh and BMC’s food outlet at *Paris Van Java* mall, main kitchen, finishing kitchen, and pantry. More excitingly, the students got to learn the production of many traditional foods listed in the restaurant menu, such as *nasi liwet*, *nasi timbel*, *nasi tutug oncom*, *sayur asem*, *sop buntut*, etc. More importantly, not only that they learned the technical skills in each department, they also gained valuable knowledge in terms of business and marketing in each of the above departments.

While conducting their day-to-day work, they also carried out independent projects. Mohd Hafiz Abdul Aris conducted a survey project titled *Food Safety Knowledge*



Internship at several departments at BMC.



Study tour with students & staff of Dept. of Food Industrial Technology, FTIP, UNPAD, to several universities and industries in Bali, East Java, & Yogyakarta.



among BMC staff, while Wang Boon Phoey prepared a proposal for the application of HACCP system at the Pastry and Bakery Department. Moreover, they also conducted some recipe testing for the purpose of product development. Items such as *nasi kerabu perantau*, coconut milkshake, lychee-layered cake, groundnut-coffee milk, strawberry-yogurt sorbet, and *Hokkien mee*, were some of the recipes developed and proposed by the students. Not only filled with daily work at BMC, the students were also involved in several activities carried out by FTIP, UNPAD.

A few months after UMT students carried out their LI in Bandung, the five students of UNPAD came to UMT. They carried out their PKL program by performing mini research projects under the supervision on five academic staff of JSM. Five projects entitled *Preliminary study on starch-based edible coating in improving the quality of harumanis mango*, *Effect of selected pretreatment on the fat content of silver catfish waste hydrolysate*, *Phytochemical screening and antioxidant activity in Roselle (H. Sabdariffa var*

sabdariffa), *Effect of different pretreatments on physicochemical characterization of Starry Triggerfish (Abalistesstellaris) skin gelatine extraction*, and *Microbiological quality of otak-otak from selected premises in Kuala Terengganu* were completed by them within those 2 months. Equipments and facilities available in UMT's laboratories, helpful staff, and guidance from supervisors, really helped the students a lot in completing their projects to collect sufficient data to be analyzed statistically, discussed, presented and reported in their reports.

Not only working hard in laboratories, the students also had the chance to visit several food industries in KL and Selangor area. Further, they were attached for a week to Ziq Bakery's processing plant in Kuala Terengganu where they learned not only the technical skills in bakery industry, but also the business and marketing knowledge needed for such activity. They were also exposed to local food-based home industries around Kuala Terengganu, such as to keropak lekor production and banana chips production by PEWANIS, a local

housewives organization in Penarik. Similar to UMT students who were involved in activities with local UNPAD students in Bandung, these five students were also invited to activities arranged by the students of JSM. Visit to local markets like Pasar Payang, tour to areas of interests in Kuala Terengganu such as Taman Tamadun Islam, the Crystal Mosque, and State Museum, turtle patrol with WWF rangers in Penarik Beach, visit to Bidong Island, and many informal gatherings that usually involved culinary tour, were some of the activities that created a strong bond between these five students and local students of UMT.

Positive responses were given by the students, academic staff, and industrial staff involved in these two attachment programs. Such activity is planned to be carried out continuously in the future, with the hope that those who are involved will gain not only academic knowledge and technical skills, but also mutual understanding and strong friendship despite of differences as well as broaden horizon and point of view. "I was worried. But now, I miss them a lot", said the student simply.



Social activities.



The UMT secretariats listened attentively to the presentation given by UMT staff.

2011 UMT Postgraduate Seminar, Melbourne

by: Syarifah Noormaisarah Tuan Besar
International Centre

The UMT Postgraduate Seminar 2011 was successfully conducted on 10th and 11th October 2011 at the Victoria Hotel, Melbourne, Australia. This seminar is part of the monitoring process conducted by UMT to assess the progress of post graduate programs being pursued by UMT academic staff. In addition, this seminar acts as a platform to discuss issues faced by UMT academic staffs that are pursuing their studies overseas, in this case Australia.

The seminar got overwhelming response from academic staff of UMT who is currently pursuing her Ph.D in Australia. In which a total of 31 participants who attended and were able to make a successful presentation in the specified

time period. From this seminar, a proceedings book and CD containing the results of scientific publications written by the staff study leave has been produced, where the proceedings will be a reference and collections of UMT.

UMT Postgraduate Seminar, 2011 in Melbourne has been able to achieve its objectives. From the existence of such seminars, the university top management can make direct monitoring towards the progress of the staff studying abroad. The staff studying abroad also have the opportunity to face directly with the Top Management of the University to share their experiences and problems.

Vice Chancellor of UMT, Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman delivering the speech to UMT staff in Australia.



Red Sea University to UMT

by: Syarifah Noormaisarah Tuan Besar
International Centre

The Vice Chancellor of Red Sea University, Prof. Dr. El-Amin Mohamed Hamza and the Postgraduate Dean of Red Sea University, Dr. Ahamed Abdul Aziz visited UMT end of last year to discuss on research collaboration in the fields of marine science, fisheries and aquaculture, and marine biotechnology, food science and agriculture.

The delegation later was invited to the Welcoming Session with UMT Vice Chancellor, Deans and Directors of faculties and institutes. In the evening, a discussion on double degree programs was held, chaired by Prof. Dr. Mohd. Azmi bin Ambak. The delegates from Sudan later visited the PSNZ library and they received a brief explanation on PSNZ's operation and database technology.

On the second day, the delegates visited the Faculty of Maritime Studies and Marine Science, Institute of Marine Biotechnology, Institute of Tropical Aquaculture and Bidong Island. At the Faculty of Maritime Studies and Marine Science (FMSM), Assoc. Prof. Dato Dr. Saharudin briefed the visitors on the various academic programs available at the faculty. A video related to shipping program was displayed to the visitors. The next visit was the Institute of Marine Biotechnology. The briefing on IMB was given by Prof Dr. Mohd Affendy Abd. Wahid. The delegation later visited the laboratories at IMB. At the Marine Hatchery, they were warmly welcomed by Prof. Dr. Faezah Shahrom and Assoc. Prof. Dr. Anuar Hasan. From the Marine Hatchery, the delegation was brought to Telaga Batin, one of the research sites for the Institute of Tropical Aquaculture. The delegation later traveled to Bidong Island.



Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman presented Wau Bulan Souvenir to Prof. Dr. El - Amin Mohamed Hamza (Vice Chancellor of Red Sea University).



Prof. Dr. Mohd Affendy Abd. Wahid, Director of Institute of Marine Biotechnology explained briefly about the infrastructures at Marine Biotechnology Laborator.



An international student explained his research in aquaculture field to the delegates.

On the third day, the delegation spent some time visiting the UMT research vessel, RV Discovery, Computer Science Department (JASKOM) and Institute of Oceanography (INOS). Overall, the delegation from the Red Sea University was very impressed

with the facilities available in UMT. They extended their invitation to UMT officials to visit the Red Sea University. The visitors expressed their enthusiasm for meaningful collaboration between the Red Sea University and UMT in the near future.

Enriching Working Experience Through **LASBELA**

by: Dr. Rokiah Kadir
Syarifah Noormaisarah Tuan Besar
International Centre

There is hardly any employer in the world who is willing to sponsor clerks, dispatch boys and drivers for overseas trips, but UMT is one of the exceptions. The program is an indication of UMT's intensified commitment towards internationalization agenda. LASBELA (*Lawatan Sambil Belajar*) aims to give training and exposure to staff of UMT. It is thought that the training for the workforce should be expanded beyond the conventional horizons which provide the opportunities only to top management and academicians. LASBELA provides the answer for human resource training and the program is expected to meet the need of globalization era.

Eligibility is restricted to any UMT staff whose grade is 44 and below. LASBELA program was approved by the UMT Executive Committee Meeting (JKE) in its 56th meeting which took place in 2011. In year 2011, a total of 136 UMT non-academic staff participated in LASBELA program. The countries selected by the participants were Thailand, Indonesia, Vietnam, China and Korea with Thailand and Vietnam as the popular destinations.



■ Visit to Kasetsart University, Bangkok Camp



■ Visit to Nong Lam University, Ho Chi Minh City, Vietnam.



■ Visit to Binus University, Indonesia.



■ Visit to Jinan University, Guangzhou, China.



■ Visit to Ho Chi Minh City University of Social Sciences and Humanities (HCMUSSH), Vietn



us, Bangkok, Thailand.



■ Visit to Beijing Foreign Studies University, Beijing, China.



■ Visit to Phuket Marine Biological Centre (PMBC), Thailand.



■ Visit to Korea University, Seoul, South Korea.

am.

Exhibition on “International Activities of JSM Students in 2011”

by : Zuraidah Nasution, JSM
Photos : Courtesy of PSNZ, UMT



Planned as an activity run concurrently with the MoU signing ceremony between UMT and Universitas Padjadjaran (UNPAD), the “International Activities of JSM Students in 2011” exhibition was held on 1 December 2011 at PSNZ, UMT. This exhibition was aimed to inform both students and staff of UMT on several international activities where students of Jabatan Sains Makanan, JSM, had participated during 2011.

There were several booths available for the students to present their activities, including 2 booths for KKNM (Kuliah Kerja Nyata Mahasiswa) UNPAD 2011 (Infokus, September 2011), a booth for ASEAN Food Conference 2011, a booth for “Academic Visit to UNPAD, INDHEX (Indonesia Halal Expo) 2011, and food entrepreneurs in Bandung” (Infokus, Desember 2011), a booth for “Academic visit to Chulalongkorn University, Kasetsart University, and food entrepreneurs in Bangkok” (Infokus, Desember 2011), a booth for International Conference on Sustainable Agriculture and Food Security 2011, and a booth for LI



UMT Vice Chancellor, UNPAD Rector, Dean and Deputy Dean of FTIP-UNPAD visiting one of the exhibition booths.

(Latihan Industri) and PKL (Praktek Kerja Lapang) 2011. Students prepared printed materials and items to be displayed during the exhibition. Those booths were packed with visitors who were interested with the activities. Not only students, VIP visitors such as UMT’s Vice Chancellor and Deputy Vice Chancellor, UNPAD’s Rector and his delegates, Dean of FASM, Dean of FTIP, and JSM academic staff were

also seen on the exhibition site.

Other than to inform the activities to UMT students and staff, another important aim of this exhibition was to boost students’ spirit, especially the juniors, to be active in campus, perform their best in academics, to be open-minded and increase their eagerness to join students activities, so they can improve themselves both academically and personally.

A2 International Fair 2011, Almaty and Astana

by: Syarifah Noormaisarah binti Tuan Besar
International Centre

In promoting Malaysian universities at the international level, the Ministry of Education has organized another exhibition of the A2 International Fair 2011 in Almaty and Astana, Kazakhstan. A total of 85 institutions from various countries including Australia, Canada, UK, USA, Ireland, Italy, Netherlands, Czech Republic, Japan, Malaysia, Dubai, Kazakhstan, Turkey and Russia participated in this exhibition. A total of 15 institutions of higher learning in Malaysia were involved in this program. UMT had the opportunity to promote itself as a center of excellence in education to prospective students in Kazakhstan.

This program received an overwhelming response from the Kazakhstan community. A total of 5,713 Kazakhstan students visited this exhibition and most of the visitors expressed their interest in undergraduate programs as well as post graduate studies. The UMT undergraduate degree programs were well received by visitors. Most of them preferred Language, Business, Engineering and Tourism. With this positive response, there is great opportunity for UMT to attract the Kazakhstan students to come and study at UMT.

The presence of the translators at the exhibition site was very helpful in explaining the prospects of pursuing studies at UMT. In addition, counseling agencies and the sponsoring institutions, both local and international also contributed to the success of the exhibition. They were from Bolashak, American Council, British Council, Austrade, Campus France, DAAD, Embassy of the Kingdom of Netherlands and the Ministry of Higher Education Malaysia.

Program Kempen Gaya Hidup Sihat

oleh: Faridah Jaafar
Fakulti Pembangunan Sosial

Jawatankuasa Pembangunan Pelajar, Hadiah dan Anugerah Pelajar Fakulti Pembangunan Sosial (FPS) telah berjaya mengadakan Kempen Gaya Hidup Sihat 2011 pada 13 Disember 2011. Kempen ini adalah lanjutan daripada hasrat fakulti untuk memantap dan meningkatkan kecemerlangan akademik di kalangan pelajar yang berpotensi. Objektif utama kempen ini dilaksanakan untuk membimbing pelajar menguruskan kesihatan secara menyeluruh meliputi aspek jasmani, rohani, emosi dan intelek melalui bimbingan dan panduan yang betul daripada penceramah jemputan. Program ini merupakan salah satu usaha fakulti untuk meningkatkan prestasi akademik di kalangan pelajar dengan cara amalan gaya hidup sihat.

Program ini telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Pembangunan Sosial, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor (S.M.P), bertempat di Auditorium Mahyuddin. Turut hadir adalah Timbalan Dekan (Akademik dan HEP) selaku pengerusi program ini, Timbalan Dekan (Siswazah dan Penyelidikan), Ketua-ketua Jabatan, Penyelaras-penyelaras dan Ahli-

ahli Jawatankuasa Pembangunan Pelajar, Hadiah dan Anugerah Pelajar FPS. Seramai 208 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun satu bagi program Sarjana Muda Kaunseling dan program Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) telah hadir.

Kempen ini turut dijayakan oleh dua orang penceramah iaitu Pengarah Pusat Kesihatan UMT, Dr. Arnie A. Rahim dengan tajuk *Gaya Hidup Sihat: Hidup seorang Pelajar Universiti* dan Pensyarah Jabatan Pengurusan dan Pemasaran, FPE, Pn. Khadijah Omar dengan tajuk *Pengurusan Diri dan Masa: Pelajar Universiti*.

Program ini dimeriahkan lagi dengan penyertaan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Terengganu yang telah membuka kaunter perundingan kesihatan dan ujian kesihatan secara percuma sepanjang program tersebut berlangsung. Turut hadir adalah pegawai daripada Pusat Kaunseling dan Kerjaya, HEPA UMT yang telah membuka kaunter untuk perundingan berkaitan kaunseling dan kerjaya kepada para pelajar.



Para pelajar FPS meluangkan masa melihat poster Kempen Gaya Hidup Sihat.



Bengkel Kaunseling Ekspresif Bekalan Praktikum

oleh: Abdul Hanid Halit,
Jabatan Psikologi dan Kaunseling, FPS

Pada 19 Januari 2012, Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Sosial (FPS) telah mengendalikan bengkel Kaunseling Ekspresif kepada pelajar Tahun Akhir program Sarjana Muda Kaunseling sebelum mereka menjalani latihan praktikum kaunseling selama satu semester mulai dari 6 Februari 2012 hingga 7 Julai 2012. Seramai 84 orang pelajar tahun akhir dan 12 orang pensyarah di Jabatan Psikologi dan Kaunseling terlibat sebagai fasilitator dalam bengkel ini.

Pendekatan kaunseling ekspresif merupakan satu pendekatan baharu yang diterapkan kepada pelajar program Sarjana

Muda Kaunseling UMT. Menurut *American Art Therapy Association*, pendekatan kaunseling ekspresif merupakan cabang kepada terapi kesihatan mental yang menggunakan proses kreatif dalam lukisan, permainan, bercerita/ drama terapi dan muzik untuk menambah baik dan menyempurnakan fizikal, mental dan emosi individu bagi semua peringkat umur. Kaunseling ekspresif menggunakan media lukisan (warna, kapur, pensil dan *marker*), alat permainan, bercerita/drama terapi dan muzik diintegrasikan dengan teori psikoterapeutik serta teknik proses kreatif untuk mendiagnosis punca masalah yang dihadapi oleh klien.

Kemahiran menggunakan pendekatan kaunseling ekspresif merupakan satu alternatif untuk menyelami jiwa klien yang sedang menghadapi kesulitan peribadi atau masalah peribadi. Penasihat Bengkel, En. Baharuddin Ismail menyatakan bahawa penguasaan kemahiran melaksana intervensi kaunseling ekspresif ini dapat membantu kaunselor (terutama kaunselor dalam latihan) mendekati kliennya. Kesannya klien yang asalnya lemah boleh dibantu menjadi lebih kuat, sihat emosi dan tenteram fikirannya.

Pendekatan permainan pula peserta didedahkan bagaimana menggunakan kemahiran

"permainan pasir". Permainan pasir merupakan salah satu kaedah terapi psiko-kaunseling yang telah digunakan sejak lebih 75 tahun lalu. Pendekatan kaedah ini membantu kaunselor meneroka perasaan dalaman klien. Banyak transformasi boleh berlaku pada peringkat ini kerana corak yang dilukis dan dibentuk adalah saling berkaitan. Pendekatan ini boleh diaplikasikan ke atas kanak-kanak, remaja dan orang dewasa baik di sekolah, hospital, agensi kebajikan mahupun dalam kaunseling peribadi. Ia membentuk satu jalinan antara terapi lisan dengan kaunseling ekspresif dengan menggabungkan kedua-dua elemen tersebut. Permainan pasir membolehkan aspek jiwa dalaman untuk bekerja secara natural dan selamat.

Kaunseling ekspresif boleh digunakan sebagai sokongan dalam perkembangan emosi individu, pengurusan tekanan serta sebagai jalinan bagi menyokong penggunaan kepelbagaian model dalam kaunseling ekspresif. Pendekatan ini mengajar pemainnya bermain dengan serius sepanjang proses dan peserta dapat menyaksikan sendiri perasaan, sikap, pemikiran dan harapan yang diwakili oleh setiap patung yang diaplikasikan. Menerusi kaedah ini, peserta mula memahami diri mereka dengan lebih jelas atau sekadar berasa lebih lega. Peserta juga berpeluang berkongsi harapan dengan fasilitator dan merasai kemesraan penerimaannya. Pada mulanya, kebanyakan peserta bengkel ini beranggapan permainan pasir hanya sesuatu yang main-main biasa. Namun, selepas mencuba sendiri, mereka mulai memperoleh pemahaman signifikan. Memandangkan imej pasir boleh dibentuk tanpa perkataan, ia merupakan kaedah terbaik untuk mereka yang menghadapi kesukaran untuk bertutur atau sesuai dilaksanakan secara bukan lisan.

Pendekatan kedua yang telah didedahkan dalam bengkel ini ialah penggunaan secara sistematik model proses komunikasi interpersonal. Pendekatan ini lebih berstruktur kerana ia berasaskan kepada kemahiran

komunikasi interpersonal. Rasional menggunakan pendekatan ini dapat menolong klien menggambarkan masalah yang dihadapi dan melalui bahasa lisan dan bukan melalui bahasa lisan. Objek mainan dan bahasa atau permainan perkataan dapat membantu klien belajar tingkah laku positif, memperkembangkan kognitif serta memberi persepsi untuk menyelesaikan konflik dalaman pemikiran negatif klien. Menurut pandangan ahli psikodinamik, pendekatan ini digunakan sebagai mekanisme pertolongan untuk menangani kebimbangan dan halangan dalaman diri. Pendekatan kaunseling ekspresif ketiga ialah bercerita/ drama terapi dan ianya sesuai digunakan dalam aktiviti untuk menyampaikan peristiwa dengan menggunakan perkataan, imej dan suara. Elemen penting dalam pendekatan ini adalah plot cerita, watak, pandangan dan nilai murni. Menurut Dr. Sh. Marzety Adibah teknik kaunseling ekspresif bercerita/ drama terapi bermatlamatkan agar klien yang mengalami pengalaman traumatik memproses pengalaman yang diceritakannya. Prinsip-prinsip penguasaan kemahiran bercerita ialah memilih cerita yang sesuai dengan minat, kebolehan, umur dan pengalaman klien. Kaunselor memastikan klien bersedia mendengar cerita, pastikan klien boleh melihat dengan jelas wajah dan ekspresi kaunselor, memulakan cerita dengan suara yang menarik dan penuh emosi.

Pendekatan kaunseling ekspresif seni lukisan juga telah didedahkan kepada peserta. Sasaran terapi ini adalah remaja, dewasa, orang tua, kumpulan dan keluarga yang menghadapi masalah-masalah kebimbangan, depresi, gangguan mental, penyalahgunaan dadah dan lain-lainnya. Berdasarkan kemahiran melukis dan kemahiran psikoterapi, kaunselor memilih bahan-bahan seni dan intervensi yang sesuai dengan keperluan klien dan mereka bentuk sesi terapi untuk mencapai objektif terapeutik. Tujuan pendekatan ini adalah untuk menambahbaikkan dan mengekalkan kesihatan

mental individu, mengenal pasti fikiran dan perasaan yang sebenar melalui lukisan. Pendekatan ini juga digunakan oleh kaunselor untuk memroses maklumat dan menilai peringkat halangan yang dihadapi oleh klien supaya dapat menentukan pengalaman terapeutik yang sesuai. Ia juga membantu kaunselor mentafsir komponen-komponen yang disukai dan halangan/peristiwa tidak disukai klien. Hasilnya kaunselor dapat memberikan panduan kepada klien melalui perancangan langkah menghapuskan halangan.

Akhirnya, pendekatan kaunseling ekspresif melalui muzik diperkenalkan kepada peserta bengkel. Pendekatan terapi muzik ini adalah satu cara untuk mengekalkan penjagaan kesihatan menggunakan muzik. Malah ia digunakan juga untuk menjaga keperluan individu dari aspek fizikal, emosi kognitif dan sosial. Intervensi muzik klinikal untuk mencapai matlamat individu melalui hubungan terapeutik yang dilaksanakan oleh kaunselor. Adakalanya intervensi kaunseling ekspresif muzik terapeutik dilaksanakan berbentuk bukan-verbal. Pendekatan ini digunakan untuk mengurus tekanan, memulihkan kesihatan, mengekspresi perasaan, meningkatkan daya ingatan, menambahbaikkan komunikasi dan menggalakkan pemulihan fizikal. Sasaran pendekatan terapi muzik adalah kepada kanak-kanak, remaja, dewasa, orang tua, gangguan mental, masalah pembelajaran dan wanita ketika hendak bersalin. Prof. Madya Dr. Ruhani Mat Min menegaskan bahawa sejarah membuktikan bahawa pada zaman Tamadun Yunani, bermula daripada penulisan Aristotle dan Plato lebih 2000 tahun dahulu, ekspresif muzik telah mula diaplikasikan di hospital selepas Perang Dunia Pertama dan Kedua. Pemuzik amatir dan profesional bermain instrumen muzik untuk anggota tentera yang mengalami kecederaan fizikal dan trauma emosi kesan daripada medan perang.

Pensyarah UMT sertai Konferens Kaunseling Peringkat Antarabangsa

oleh: Abdul Hanid Halit,
Jabatan Psikologi dan Kaunseling, FPS

Dua orang pensyarah Jabatan Kaunseling dan Psikologi telah menghadiri Konferens Kaunseling Antarabangsa di Universitas Pendidikan Indonesia (UPI), Bandung, Indonesia pada 7 hingga 9 Disember 2011. Pensyarah yang terlibat adalah Prof. Madya Dr. Ruhani Mat Min dan Dr. Abdul Hanid Halit. Kedua-dua mereka telah berjaya membentangkan kertas kerja masing-masing. Selain itu, Prof. Madya Dr. Ruhani Mat Min telah mengendalikan bengkel "Kaunseling Ekspresif". Sepanjang tiga hari konferens sebanyak 34 kertas kerja telah dibentangkan oleh para pembentang Indonesia dan 46 kertas kerja telah dibentangkan oleh para pembentang dari Malaysia, lima pembentangan inovasi dan tiga pembentang poster.

Konferens Kaunseling ini dianjurkan secara kerjasama oleh Persatuan Kaunseling Malaysia (PERKAMA International) dengan Universitas Pendidikan Indonesia (UPI). Konferens ini bertemakan "Meningkatkan Kesihatan Mental Melalui Kaunseling". Sementara sub-tema pula merangkumi Perhubungan kaunseling profesional, Kaunseling komuniti, Kaunseling pendidikan pelbagai peringkat umur, Kaunseling untuk menggalakkan keamanan dan hak asasi manusia, Isu-isu penyeliaan kaunseling di sekolah, Kaunseling kompetensi, Kaunseling advokasi Keluarga, Kesejagatan dalam Kaunseling, Kaunseling dan maklumat teknologi, Isu Etika dan Perundangan Dalam Kaunseling.

Presiden PERKAMA International, YBhg. Tan Sri Dr. Nordin Kardi dalam ucapan perasmian konferens menyatakan bahawa istilah 'kaunseling' mempunyai banyak makna mengikut konteks nasional dan profesional. Walau bagaimanapun, ia boleh digunakan untuk mengenal pasti satu definisi yang merangkumi kepelbagaian. Kaunseling boleh



digambarkan sebagai satu pendekatan menolong dan memberi maklum balas kepada orang lain dengan tujuan untuk menyediakan mereka peluang untuk meneroka, menjelaskan dan berusaha ke arah cara hidup yang lebih baik dan menggunakan akal fikiran yang waras untuk bertindak. Pendekatan kaunseling boleh digunakan untuk individu, pasangan, keluarga atau kumpulan dan boleh digunakan dalam pelbagai konteks dan tetapan.

Menurut YBhg. Tan Sri Nordin Kardi lagi, "dalam tempoh tiga puluh tahun yang lalu, bimbingan dan kaunseling telah menghasilkan kemajuan besar dalam negara membangun dan negara perindustrian. Ibu bapa, pendidik, majikan, pekerja kesihatan dan sosial semakin sedar tentang keperluan pendekatan baharu untuk membantu manusia yang menghadapi masalah individu dan keluarga. Oleh itu, PERKAMA International diwujudkan untuk menggalakkan dialog antara orang-orang dari negara-negara

yang berbeza untuk meningkatkan amalan terbaik dengan pertukaran idea dan perkongsian hasil kajian antara disiplin".

Sementara itu Dekan Fakultas Ilmu Pendidikan, UPI, YBhg. Prof. Dr. Ahmad menyatakan perkhidmatan kaunseling diperlukan kerana ia adalah sebahagian daripada proses pendidikan kita dan ini menampakkan keperluan kepakaran kaunselor untuk memberi bantuan. Hari ini, sering kita lihat dan dengan individu "jatuh" dalam mengharungi hidup. Mereka jatuh ke dalam keadaan yang tidak selamat, keraguan dan kemurungan *psychological illness* yang mana mereka memerlukan bantuan daripada kaunselor yang mahir. Kaunseling diperlukan pada masa krisis atau perubahan, seperti kemalangan teruk atau traumatik, kesedihan dan perkabungan, hilang upaya, penyakit yang mengancam nyawa, kehilangan pekerjaan atau rumah, kesukaran perkahwinan atau lain-lain yang mengganggu kehidupannya hidup.

Bengkel *Finishing School* Mantapkan Keterampilan Siswazah

oleh: Abdul Hanid Halit,
Jabatan Psikologi dan Kaunseling, FPS

Program pengajian Sarjana Muda Kaunseling memerlukan masa empat tahun untuk melayakkan pelajar bergraduat. Kadang kala dalam tempoh itu, persediaan secara profesional untuk menceburi dunia kerjaya terpinggir. Keadaan ini berlaku mungkin kerana penekanan lebih ditumpukan kepada orientasi peperiksaan. Menyedari hakikat ini, satu program pemantapan keterampilan diri pelajar perlu diadakan sebelum mereka menamatkan pengajian. Program atau bengkel *Finishing School* adalah salah satu usaha untuk membantu pelajar memantapkan keterampilan diri sebelum mereka menamatkan pengajian. Pemantapan keterampilan diri ini meliputi kemahiran insaniah, pengetahuan tentang *trend* pengambilan pegawai baharu dan kemahiran tambahan bersesuaian dengan bidang pengajian mereka. Ia juga sebagai program transisi daripada alam mahasiswa kepada dunia pekerjaan.

Pada 17 dan 18 Januari 2012 Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pembangunan Sosial, UMT telah berjaya menganjurkan bengkel *Finishing School* yang melibatkan 84 orang pelajar Semester Tujuh program pengajian Sarjana Muda Kaunseling. Bengkel ini khusus diadakan kepada pelajar di Semester Tujuh kerana pada Semester Lapan mereka akan menjalani praktikum kaunseling selama satu semester di pelbagai organisasi dan agensi kerajaan.

Bengkel ini mendapat sokongan penuh daripada Dekan Fakulti Pembangunan Sosial, Prof. Madya Dr. Noraien Mansor dan beliau menyatakan bahawa bengkel ini sebagai satu usaha untuk memantapkan keterampilan pelajar sebelum mereka melalui praktikum

kaunseling dan seterusnya menceburi dunia pekerjaan. Beliau menambah bengkel ini harus memberi penekanan kepada dua aspek utama iaitu kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dan Penulisan Profesional.

Penganjuran bengkel bertujuan untuk melahirkan siswazah berkualiti, berdaya saing dan berupaya untuk terus maju melalui pembelajaran berterusan. Ia juga untuk menjadikan pelajar lebih proaktif bagi memantapkan



Sebahagian daripada peserta sedang mencatat nota penting.

Kemahiran Insaniah (KI) pelajar melalui slot-slot aktiviti bengkel yang telah diatur rapi. Oleh itu, matlamat akhir bengkel ini adalah untuk menghasilkan siswazah UMT yang *marketable* dan mempunyai keyakinan yang tinggi seperti mana yang dijangkakan oleh bakal-bakal majikan.

Bengkel *Finishing School* kali ini telah melibatkan empat orang personel yang menjadi fasilitator secara langsung dalam pelaksanaan aktiviti bengkel iaitu; Pensyarah UiTM Kampus Kota, Kota Bahru, Kelantan, Prof. Madya

Dr. Nik Maheran Nik Mohamad. Fokus perbincangan beliau lebih kepada *personal grooming* untuk menghasilkan keterampilan diri mantap. Kedua, Pengarah C. H. M. Konsultan, Kuala Lumpur, Tn. Hj. Harun Mohamad. Penyampaian beliau tertumpu kepada *trend* pengambilan pegawai kerajaan. Beliau juga telah menjalankan sesi *mock interview*. Ketiga Kaunselor di Institut Perguruan Sultan Mizan, Besut, Terengganu, Pn. Siti Ajar. Beliau berkongsi pengalaman tentang bidang tugas pengamal kaunseling/ pegawai psikologi di organisasi. Keempat ialah Pengarah AADK Negeri Terengganu, Tn. Hj. Adnan. Beliau menerangkan perkhidmatan Agensi Dadah di Malaysia. Agensi Dadah Kebangsaan dijemput dalam bengkel ini kerana saban tahun Pusat AADK merupakan salah satu tempat yang menjadi pilihan pelajar untuk menjalani praktikum kaunseling.

Saudara Shahrulamin (peserta bengkel) menyatakan bahawa bengkel ini amat menarik untuk pelajar terutamanya input daripada Prof. Madya Dr. Nik Maheran dan Hj. Harun Mohamad yang menekankan bagaimana untuk memperagakan diri, tutur bahasa dan persediaan fizikal dan mental untuk menghadapi temu duga. Menurut Sabihah Md. Johan (peserta bengkel) "Satu pengalaman yang menarik. Sekarang saya tahu kemampuan saya terutamanya semasa *mock interview*. Walaupun bengkel ini agak marathon tetapi saya suka kerana banyak maklumat baharu yang diperolehi".

Ketua Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Dr. Abdul Hanid Halit dalam ucapan perasmian bengkel menyatakan bahawa keberkesanan bengkel *Finishing School* pastinya memberi manfaat yang besar kepada pelajar. Seterusnya beliau menyatakan dalam perancangan jabatan ini untuk menghantar pelajar membuat lawatan dalam dan luar negara ke institusi yang melaksanakan kursus *Finishing School* terbaik pada masa hadapan. Hal ini penting dilakukan kerana melalui program ini pelajar didedahkan dengan beberapa

kemahiran utama yang mampu meningkatkan keyakinan diri dan daya saing mereka di persada nasional ataupun antarabangsa. Keadaan ini juga membuka peluang kepada pelajar untuk menjalani praktikum di luar negara. Dr. Zakaria Mohamad (Pengarah Bengkel) menyatakan bahawa melalui bengkel ini, pelajar telah didedahkan dengan beberapa kemahiran utama yang mampu meningkatkan keyakinan diri dan

daya saing mereka di persada nasional ataupun antarabangsa.

Untuk menjamin kualiti program *Finishing School*, beberapa siri bengkel kejurulatihan (TOT) untuk fasilitator akan dilaksanakan secara berterusan. Kesimpulannya bengkel ini perlu diteruskan di tahun-tahun akan datang kerana ia telah berjaya membantu pelajar memantapkan keterampilan diri. Penilaian pelajar terhadap pelaksanaan bengkel *Finishing School*

menunjukkan bengkel ini banyak memberi manfaat kepada mereka terutamanya pengetahuan baharu tentang *trend* pengambilan pegawai baharu, *personal grooming* dan kemahiran insaniah dan keyakinan diri serta persediaan menghadiri temu duga. Jabatan Psikologi dan Kaunseling juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada INComS di atas kesediaan menanggung kos perjalanan bengkel *Finishing School*.

Pusat Islam UMT Cakna masalah pelajar

oleh: Siti Khatijah Harun
Pusat Islam, UMT

“Saya bersyukur dan berterima kasih kepada pihak universiti yang sudi menghulurkan zakat ini kepada saya dan wang ini akan dimanfaatkan untuk membantu meringankan beban ibu dan bapa saudara yang menjaga saya selama ini”, kata Saudari Ramizah Mat, pelajar jurusan Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar), UMT.

Pelajar ini merupakan anak yatim piatu sejak kecil lagi dan bergantung kasih sayang sepenuhnya dengan ibu dan bapa saudaranya. Kehidupan penjaganya juga tidak seberapa dengan bapa saudaranya hanya bekerja sebagai buruh. Mereka sanggup menjual lembu untuk menanggung yuran pengajian pelajar tersebut di UMT.

Pada 22 Disember 2011 tempoh hari, satu kunjungan dan sesi agihan zakat telah diadakan di kediaman penjaganya di Kg. Beladau Selat, Kuala Terengganu. Dalam sesi lawatan itu, pihak Seksyen Kebajikan, Pusat Islam UMT telah menyalurkan sumbangan wang zakat sebanyak RM1,000.00, hamper barangan runcit dan keperluan dapur kepada pelajar tersebut.



Ramizah menerima sumbangan wang zakat daripada Ketua Pusat Islam UMT, Ust. Razi Yaakob di kediaman ibu dan bapa saudaranya di Kg. Beladau Selat, Kuala Terengganu.

Kejohanan Badminton Wanita Piala Isteri Menteri Besar Terengganu 2011

oleh: Siti Noriam Yaakob
Pusat Sukan dan Rekreasi, HEPA

Kejohanan mempertaruhkan Piala Isteri Menteri Besar Terengganu ini merupakan acara yang julung kali diadakan dengan penyertaan antara IPTA di Malaysia. Kejohanan Badminton ini diadakan bagi menghidupkan kembali kejohanan-kejohanan

sukan bagi kaum wanita amnya. Kejohanan ini juga merupakan kerjasama dari Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia berjaya menarik penyertaan seramai 15 pasukan dari seluruh IPTA/ IPTS di Malaysia. Kejohanan ini telah berlangsung pada 24 hingga 25

November 2011 bertempat di Pusat Sukan dan Rekreasi, UMT. Acara dirasmikan sendiri oleh isteri Menteri Besar Terengganu, YABhg. To' Puan Seri Norliza Mahmud. Pasukan UMT MASUM berjaya menjadi johan dalam edisi yang julung kali diadakan ini.



Isteri Menteri Besar Terengganu, YABhg. To' Puan Seri Norliza Mahmud sudi menyampaikan cenderamata kepada para peserta kejohanan.



Gimik perasmian disempurnakan oleh YABhg. To' Puan seri Norliza Mahmud.



Pasukan UMT MASUM berjaya menjadi johan Piala Isteri Menteri Besar Terengganu.

Karnival Kokurikulum UMT 2011

Peluang Pelajar Kembang Bakat dan Kebolehan

oleh : Siti Zainab Mat Zin
Pusat Kokurikulum (HEPA)



Segak dan bergaya...persembahan kawad dari pasukan SUKSIS UMT.

Karnival Kokurikulum UMT 2011 merupakan acara tahunan yang diadakan setiap tahun. Karnival ini telah berjaya diadakan dengan jayanya pada 2-3 Disember 2011. Ianya melibatkan semua pelajar tahun satu kursus kokurikulum berkredit dan penyertaan adalah diwajibkan kepada mereka. Sebelum ini, program ini dikenali sebagai Minggu Kokurikulum UMT tetapi pada tahun 2011 program ini diberi nafas baharu dengan nama Karnival Kokurikulum UMT. Selaras dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti yang diketengahkan oleh pelajar. Pelbagai acara dan pertandingan dijalankan sepanjang program dilaksanakan mengikut kursus masing-masing. Antara teras Kemahiran Insaniah yang diterapkan adalah Sukan, Kebudayaan, Badan Beruniform, Seni Mempertahankan Diri dan Kepimpinan.

Karnival ini juga merupakan satu peluang kepada semua pelajar untuk mengembangkan bakat dan kebolehan masing-masing kerana tugas merancang, mengurus, mentadbir, mengelola, melaksana dan menyelia dilakukan oleh pelajar sendiri. Antara acara yang telah dipertandingkan di Karnival



Naib Canselor UMT, menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang.

Kokurikulum UMT 2011 ialah bola sepak, bola jaring, badminton, renang, taekwondo pantai, kawad kaki, pidato, *explorace* serta demonstrasi dari JPAM. Turut serta adalah pameran dari semua unit beruniform yang ada di UMT seperti SUKSIS, PALAPES, SISPA, PENGAKAP LAUT dan sebagainya.

Pada tahun ini juga, penyertaan turut melibatkan komuniti luar dalam acara bola sepak dan sambutan yang diterima sangat diluar jangkaan. Program ini diakhiri dengan Program Malam Kemuncak Karnival Kokurikulum UMT 2011

yang telah dilaksanakan pada 3 Disember 2011 bertempat di Dewan Sultan Mizan, UMT. Pengendalian Malam Kemuncak ini adalah sepenuhnya oleh pelajar-pelajar kursus kokurikulum kebudayaan bertemakan "*glamorous night*". Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz bin Deraman dan turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor HEPA, YBhg. Prof. Dr. Yahaya bin Ibrahim, wakil fakulti, Pegawai-pegawai HEPA, para pengajar kursus Kokurikulum Berkredit UMT serta para pelajar.

THE GREAT GENDER DEBATE 2011

oleh: Rozita Jayus
Pusat Kaunseling dan Kerjaya, HEPA

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah pertama pertandingan *The Great Gender Debate 2011* pada 9-13 November 2011 bertempat di Dewan Sultan Mizan. Pertandingan yang telah diperkenalkan buat pertama kalinya kali ini, telah diusulkan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) untuk direalisasikan hasil pandangan dan perhatian oleh pihak UMT terhadap isu gender. Hasilnya, KPWKM telah bersetuju untuk melaksanakan pertandingan ini secara berterusan. *The Great Gender Debate 2011* adalah program kerjasama antara NAM Institute for the Empowerment (NIEW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM), Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) dan Universiti Malaysia Terengganu. Pertandingan ini membabitkan penyertaan seramai 200 orang peserta dari 44 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS) dan terbahagi kepada dua kategori iaitu kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Objektif pertandingan *The Great Gender Debate 2011* adalah untuk mengetengahkan isu-isu berkaitan gender dalam arena perdebatan dan meneroka tahap kesedaran dan kefahaman pelajar IPT dalam isu-isu yang melibatkan gender dan hak-hak wanita. Secara tidak langsung ia menjadi satu medium untuk saling bertukar idea dan pendapat melalui medan intelektual secara tidak rasmi di antara golongan pendebat di universiti masing-masing dan para hakim. Kemahiran insaniah juga



Para pemenang bergambar dengan tetamu kehormat.



Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman ketika menyampaikan ucapan aluan-aluan.

dapat dipupuk melalui organisasi badan pelajar iaitu melatih kemahiran dalam pengurusan yang melibatkan pelajar, pihak universiti dan juga badan-badan luar universiti.

Majlis perasmian dan pelancaran *The Great Gender Debate 2011* telah disempurnakan oleh Pengarah NIEW, YBhg. Tan Sri Datuk Dr. Rafiah Salim bertempat di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu. Manakala majlis penyampaian hadiah dan perasmian penutup disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Noorul Ainur Mohd Nur. Turut hadir, Pengarah NAM Institute for

the Empowerment (NIEW), YBhg. Tan Sri Dr. Rafiah Salim dan Naib Canselor UMT, YBhg. Prof. Dato' Dr. Aziz Deraman, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merangkap Pengerusi MADUM, YBhg. Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmod, Pegawai-pegawai Utama UMT dan Pegawai-pegawai Kanan UMT.

Bagi kategori bahasa Melayu, Universiti Malaysia Pahang (UMP) muncul juara manakala naib johan dimenangi oleh Universiti Malaya. Kategori Bahasa Inggeris pula dimenangi oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di tempat kedua pada program debat yang julung kali diadakan itu.

Johan pertandingan *The Great Gender Debate 2011* masing-masing menerima hadiah wang tunai RM7,000, membawa pulang Piala Pusingan Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, sijil serta buku manakala naib johan RM3,500, piala, sijil serta buku.

Pendebat terbaik bagi kategori bahasa melayu dimenangi Siti Aishah Mustapha dari Universiti Malaysia Pahang manakala kategori bahasa Inggeris dimenangi Maizura Mokhsin dari Universiti Teknologi Mara dan masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai RM500.

Pencapaian bagi pasukan UMT, untuk pasukan debat bahasa Inggeris mara ke peringkat pusingan kalah mati iaitu sehingga ke peringkat separuh akhir.



UMT sertai *World Universities Debate Championship*

oleh: Rozita Jayus
Pusat Kaunseling dan Kerjaya, HEPA

Pasukan debat bahasa Inggeris Universiti Malaysia Terengganu buat pertama kalinya melangkah ke arena perdebatan British parlimen peringkat antarabangsa iaitu *World Universities Debate Championship* di Filipina pada 27 Disember 2011 hingga 5 Januari 2012. Penyertaan ini merupakan penyertaan kedua UMT ke peringkat antarabangsa selepas menyertai *Australasian Universities Debating Championship (Australis)* di Seoul, Korea.

World Universities Debate Championship (WUDC), digelar sebagai "perdebatan secara Olimpik", merupakan perhimpunan tahunan pendebat terbaik di dunia. Populariti perdebatan telah berkembang secara mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini dengan jumlah institusi yang telah mengambil bahagian dalam WUDC mencecah lebih 400 pasukan dan tahun ini merupakan tahun ke 26 penganjurannya.

De La Salle Debate Society (LSDS) akan menjadi tuan rumah

WUDC 2011 pada 27 Disember, 2011 hingga 4 Januari 2012 di De La Salle University. Penyertaan melibatkan pelajar terbaik dan cemerlang dalam debat di seluruh dunia akan berkumpul dan berdebat. Lebih daripada 1,400 peserta dari lebih 70 negara telah menyertai pertandingan tersebut. Penghakiman yang dilaksanakan menggunakan sistem penghakiman berkualiti tinggi.

Perdebatan yang digunakan adalah menggunakan format British Parlimen dengan sembilan pusingan penyingkiran yang akan menentukan 32 pasukan terbaik dan akan bertanding untuk pusingan *octo-final, quarter final, semi final, dan final*.

WUDC ini juga akan membuka minda bagi pendebat Bahasa Inggeris untuk melihat dari segi pengantarabangsaan dan juga idea untuk cara mendapatkan fakta kes, membidas, menganalisis data dan juga menganalisis usul. Penganalisan usul amat penting bagi perdebatan dan penganalisan ini hanya boleh diperolehi melalui

pengalaman yang banyak, justeru, WUDC ini memberi peluang kepada pasukan UMT yang akan mewakili ke WUDC untuk bukan sahaja berfikir bertaraf antarabangsa malah sebagai penganalisis yang berpengalaman.

Pertandingan ini dapat membuka peluang untuk menaikkan nama baik UMT di mata dunia dan memberi peluang kepada UMT membuka rangkaian perhubungan antarabangsa dengan universiti-universiti luar. Selain itu juga, peserta dapat mengambil pengalaman berdebat dengan pendebat di peringkat antarabangsa dan boleh bertukar pendapat untuk memperkembangkan tahap berfikir secara kreatif dan kritis di kalangan pendebat UMT. Dengan menyertai pertandingan seperti ini, pelajar yang terlibat dapat meningkatkan penguasaan dan menerapkan kesemua elemen kemahiran insaniah yang digariskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk kebolehpasaran graduan di peringkat maksima.

Debat 1Malaysia IPT 2012

UMT mara ke pentas akhir

oleh: Rozita Jayus

Pusat Kaunseling dan Kerjaya, HEPA

Pasukan daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) buat pertama kalinya berjaya melangkah ke peringkat akhir dalam pertandingan Debat 1Malaysia antara IPT 2012 mendapat naib johan dengan membawa pulang wang tunai sebanyak RM3000.00, sijil, dan piala iringan. Pertandingan akhir ini menyaksikan pasukan Universiti Malaya (UM) yang berperanan sebagai kerajaan dan pasukan UMT sebagai pembangkang dengan usul; "Bangsa Melambangkan Negara". Pertandingan akhir ini berlangsung di Dewan Tun Abdullah Salleh, Fakulti Pendidikan di kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Pendebat dari UM, Muhammad Azzairi, pelajar tahun 4, Jurusan Undang-undang turut dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik bagi kejuaraan kali ini. Dan pasukan UM juga dinobatkan sebagai johan dengan membawa pulang Piala Pusingan, Piala Iringan,

cenderamata, sijil dan wang tunai RM5000.

Perdebatan bermula sejak 28 Januari lalu dengan disertai 22 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Setiap pasukan perlu melalui sebanyak enam kali pusingan saringan sebelum layak ke peringkat suku akhir. Pasukan UMT menang empat daripada enam pusingan tersebut. Di peringkat suku akhir iaitu pusingan kalah mati ini, pasukan UMT berjaya mengatasi pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS), manakala pada pusingan separuh akhir, pasukan UMT berjaya mengatasi pasukan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pertandingan akhir turut disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, YBhg. Datuk Abdul Rahim bin Md. Noor, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, YBhg. Prof. Ir. Dr. Othman A. Karim, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UM, YBhg. Prof. Datuk Dr. Rohana Yusof, Timbalan Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, YBhg. Prof. Dr. Yahya Ibrahim, dan Setiausaha Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia, Dr. Akmal Khuzairy Abd Rahman.

Ini adalah tahun kedua penganjuran Pertandingan Debat 1Malaysia antara IPT yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia dan universiti penganjur, UKM. YBhg. Prof. Dr. Yahya Ibrahim berkata, penyertaan ini diharap dapat meraih kejayaan dan membawa nama UMT gemilang di arena debat universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu juga, pada 27-29 Januari bertempat di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia cawangan Kuantan telah berlangsung Pertandingan Debat antara IPT Pantai Timur. Pasukan debat kategori bahasa Inggeris berjaya mara ke peringkat akhir dan mendapat Naib Johan dengan membawa pulang Piala iringan, sijil dan wang tunai RM500.00. Semoga kejayaan ini juga membuka laluan untuk pasukan debat UMT melangkah lebih jauh dalam pertandingan-pertandingan debat yang disertai pada masa akan datang.



Penyampaian hadiah daripada KSU KPT kepada pasukan UMT dan TNC HEPA.

BSN Inter Varsity Social Venture Challenge 2011

UMT kekal juara

oleh: Nor Ismadi Izhan Ismail
Pusat Pembangunan Usahawan dan Koperasi, HEPA

Kelab Usahaniaga UMT di bawah tanggungjawab Pusat Pembangunan Usahawan dan Koperasi, HEPA sekali lagi telah berjaya menaikkan nama UMT di persada pendidikan Nasional dalam Pertandingan *BSN Inter Varsity Social Venture Challenge* Antara IPTA/S 2011 bertempat di Sheraton Hotel, Kuala Lumpur. Tanggal 5 Disember 2011, Usahaniaga UMT yang diterajui oleh Penasihat Kelab iaitu Prof. Madya Dr. Ruhani Mat Amin telah berjaya memasuki peringkat akhir dengan membawa dua projek iaitu Projek *Aqua-D* yang disertai seramai empat orang pelajar iaitu Adyleen Azman, Amira Farhana Kamaruddin, Arfatin Shafizah Arshad, Roystan Likimas manakala Projek *Cut n Drop* pula disertai oleh Nik Nurfarah Fareena Auddin, Mohammad Hamka Jaafar, Izzati Husna Ismail dan Ruwaida Farah Hanan.

Pertandingan ini telah disertai oleh 47 IPTA/S dan sebanyak lapan projek telah disenarai pendek bagi memasuki pusingan akhir yang berlangsung pada 2-5 Disember 2011 bertempat di Sheraton Hotel, Kuala Lumpur. UMT telah menghantar sebanyak tujuh projek pada peringkat awal dan BSN telah memilih dua projek UMT bagi memasuki pusingan akhir. Pertandingan ini adalah berkonsepkan *Social Venture* dalam perniagaan berdasarkan kepada projek-projek yang dijalankan. Pada pertandingan tersebut UMT telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan bagi Projek *Cut n Drop* dan membawa pulang RM25,000.00 beserta I-Pad2 setiap seorang dan Piala Pusingan. Lebih manis lagi bagi Projek *Aqua-D* pula telah memenangi Anugerah Merit dan membawa pulang RM5,000.00 beserta trofi. Lagi membanggakan ialah UMT turut menerima Geran Peruntukan sebanyak RM50,000.00



Kekal juara melalui Projek *Cut n Drop*.



Dr. Amir Izzwan Zamri dan pelajar UMT menerima geran penyelidikan berjumlah RM50,000.00 bagi projek Nira.

bagi Projek Nira yang telah memenangi pertandingan ini pada tahun lepas melalui penasihat projek iaitu Dr. Amir Izzwan Zamri. Kejayaan ini amat bermakna kerana UMT telah berjaya mengekalkan kejuaraan tersebut buat dua tahun

berturut-turut. Kemenangan ini adalah hasil daripada kerjasama semua pihak yang terlibat di dalam mengejar kejayaan dan kegemilangan untuk UMT di arena pendidikan dan modal insan untuk pelajar-pelajar UMT.

Jom Pakat Kacau Asyura: 1Kawah 1Negeri

oleh : Harun Ali
Pusat Islam, UMT

Maal Hijrah atau Awal Muharam merupakan permulaan tahun baharu di dalam takwim Islam. Jika sambutan tahun baharu Masihi diingati dengan pelbagai azam dan tekad baharu, maka sewajarnya Maal Hijrah mendapat perhatian yang lebih lagi terutama bagi umat Islam.

Pusat Islam dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar telah berjaya mengadakan program “Jom Pakat kacau Asyura: 1kawah 1Negeri Tahun 1433 H/ 2011M,” dengan penyertaan dalam kalangan pelajar dan staf Universiti Malaysia Terengganu. Program ini telah diadakan pada 29 Disember 2011 bertempat di Dataran Pesta Konvo Universiti Malaysia Terengganu UMT dan telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (HEPA), YBhg. Prof. Dr. Yahaya bin Ibrahim. Program ini bermula seawal jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 2.00 petang. Sebanyak sebelas kawah bubur asyura disediakan dan dipertandingkan di antara 14 PTJ di UMT serta dibantu lebih daripada 250 pelajar (dari pelbagai kaum dan pelbagai negeri). Hadiah telah disediakan oleh pihak penganjur bagi pemenang berdasarkan dua kategori yang dinilai iaitu, penyertaan staf paling ramai dan dekorasi gerai yang paling menarik.

Tahniah kepada Pejabat Pembangunan dan Harta (PPH), yang telah memenangi kategori dekorasi gerai paling menarik serta Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan (FASM) dan Pusat Jaringan Industri dan Hubungan Luar (INComS) yang telah memenangi kategori penyertaan staf paling ramai. Sebelas kawah bubur asyura yang disediakan telah diagihkan kepada lebih 3000 warga kampus (pelajar dan staf). Program ini diadakan bertujuan untuk merealisasikan penghayatan



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT, YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim (tengah) turut serta memeriahkan program mengacau bubur asyura.

sebenar kedatangan tahun baharu Hijrah agar ia memberi impak yang positif kepada pelajar dari sudut rohani dan jasmani di samping memberi kemahiran generik kepada pelajar dalam kehidupan di kampus. Selain itu, program ini juga bertujuan menyemarakkan semangat kerjasama, bantu-membantu dan hormat-menghormati dalam kalangan warga UMT (dari pelbagai kaum dan pelbagai negeri) serta komuniti dalam pembentukan pelajar yang cemerlang.

Program sebegini sememangnya wajar diadakan di peringkat institusi pendidikan tinggi di Malaysia. Hal ini demikian

kerana, program sebegini memberi pengalaman dan pengetahuan baharu kepada pelajar tentang adat masyarakat Islam di Malaysia menyambut Hari Asyura melalui cara bergotong-royong dalam memasak bubur asyura. Program ini juga telah mengeratkan hubungan antara pelajar dan staf Universiti Malaysia Terengganu secara tidak langsung. Di samping itu, konsep 1Malaysia juga telah berjaya diterapkan dalam diri pelajar dan staf Universiti Malaysia Terengganu melalui hasil kerjasama warga Universiti Malaysia Terengganu yang terdiri daripada pelbagai kaum semasa penyediaan bubur asyura.

UMT YoungPreneurS lahirkan usahawan Siswazah

oleh: Nor Ismadi Izhan Ismail
Pusat Pembangunan Usahawan dan
Koperasi, HEPA

Asas Keusahawanan merupakan suatu bidang yang berkait rapat dengan perniagaan. Ilmu keusahawanan ini amat penting untuk diterokai terutama bagi mereka yang ingin menceburi bidang perniagaan dan menjadikan perniagaan itu sebagai kerjaya apabila mereka tamat pengajian nanti. Semua pelajar UMT dikehendaki mengambil kursus Asas Keusahawanan (MGM3103) sebagai teras universiti bagi membolehkan mereka mempelajari asas keusahawanan secara teori di bilik kuliah, pelajar juga didedahkan dengan amalan praktikal perniagaan yang mesti dilakukan sebagai sebahagian kerja kursus mereka selama tiga hari di Pusat Dagangan Terengganu (TTC). Untuk tempoh tersebut pelajar akan menjalankan aktiviti perniagaan bersama dengan mentor mereka yang terdiri dari usahawan berjaya dari Yayasan Pembangunan Usahawan (YPU) bertempat di TTC dan kawasan sekitarnya.

Menyedari hakikat ini, Pusat Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni serta Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu telah menganjurkan Program "UMT YoungPreneurS" bertempat di Pusat Dagangan Terengganu (TTC) pada 9 hingga 11 Disember 2011. Program jualan bermula jam 9.00 pagi sehingga 10.00 malam.

Program ini juga mewajibkan semua pelajar untuk berniaga selama 3 hari di TTC dan mempelajari selok-belok dunia perniagaan. Program ini juga



Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMT, YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim mengiringi YB Dato' Mohamed bin Awang Tera melakukan sesi lawatan di salah sebuah gerai jualan usahawan siswazah UMT.

diselitkan dengan forum yang bertajuk "Peranan SSM dan YPU ke Arah Menjana Usahawan Siswazah" yang mana ahli panel terdiri daripada UMT, SSM dan YPU. Program ini juga turut memperkenalkan dua anugerah baharu iaitu Piala Pusingan UMT dan YPU yang mana tiap satu akan disumbangkan oleh UMT dan YPU kepada para pemenang. Seramai 30 pemenang akan dipilih berdasarkan kursus yang diambil.

Program Asas Keusahawanan yang diperkenalkan di UMT ini mengetengahkan konsep keusahawanan dan kepentingannya kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi UMT. Mereka yang menyertai kursus ini berpeluang menjadikan perniagaan sebagai kerjaya pilihan di samping merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan. Seramai 993 orang mahasiswa dan mahasiswi UMT serta lapan orang pensyarah terlibat dengan program ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Usahawan dan Koperasi Negeri Terengganu, YB Dato' Mohamed bin Awang Tera telah hadir menyempurnakan majlis perasmian penutup yang diadakan pada 11 Disember 2011 jam 3.00 petang bertempat di Pusat Dagangan Terengganu (TTC). Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMT, YBhg.



Timbalan Naib Canselor (HEPA) UMT, YBhg. Prof. Dr. Yahaya Ibrahim menyampaikan cenderamata kepada YB Dato' Mohamed bin Awang Tera.

Prof. Dr. Yahaya Ibrahim juga turut hadir pada majlis penutup tersebut. Piala Pusingan YPU telah digondol oleh kumpulan Memories Gift Shop Sdn. Bhd. yang terdiri daripada lima orang pelajar UMT manakala piala pusingan UMT telah dimenangi oleh Greenies Sdn. Bhd yang juga diwakili seramai lima orang pelajar UMT. Piala Pusingan ini telah disampaikan oleh YB Dato' Mohamed bin Awang Tera. Pada majlis ini juga, beliau turut disampaikan 30 hadiah kepada para pemenang mengikut kursus yang diambil.

Program sebegini bukan sahaja memberikan ilmu pengetahuan kepada peserta tetapi ia juga meningkatkan kesedaran dan kefahaman kepada mereka mengenai budaya keusahawanan yang boleh dipupuk sejak di alam kampus.



Kayuhan 1,000 Hectometer, Year End Ride 2011

oleh : Khairuzzaman Iz'aan Sawari
Fakulti Maritim dan Sains Marin

Kehadiran tahun 2012 disambut dengan aktiviti kayuhan jarak jauh oleh Kelab Sukan Berbasikal Universiti Malaysia Terengganu atau lebih dikenali dengan Kelab *Cycling* UMT. Kayuhan yang diberi jolokan nama "1,000 Hectometer Year End Ride 2011" ini dianjurkan oleh kelab sebagai menutup lebaran tahun 2011 dan merupakan aktiviti terakhir untuk tahun tersebut. Jarak kayuhan sepanjang 100 kilometer (KM) ini meliputi laluan landai dan berbukit. Basikal yang digunakan adalah dalam kategori *roadbike* dan *mountainbike* sesuai untuk kayuhan jarak jauh.

Aktiviti ini dimulakan dengan acara perlepasan oleh Presiden Kelab iaitu Dr. Mohd Fadzil Mohd Akhir dan diikuti dengan bacaan doa. Seramai lapan orang peserta terlibat iaitu Prof. Madya Dr. Pouzi Hamzah, Khairuzzaman Izaan Sawari, Uzair Rusli, Mohamad Anas Mohamad Annuar, Ahmad Fayas Ahmad Najib, Mohd Firdos Ayob, Mohd Khairani Mohd kamarudin dan seorang pelajar dari Kolej TESDEC, Muhamad Cornelius bin Cornelius Anuar Abdullah McAfee. Kayuhan



Presiden Kelab Cycling UMT, Dr. Mohd Fadzil Mohd Akhir (empat dari kanan) bersama peserta di hadapan pintu gerbang UMT.

bermula dari pintu hadapan kampus UMT dan melalui kawasan pesisiran pantai Pengkalan Maras, Lembah Bidong, Merang, Kampong Bukit Putera, Sungai Tong, Kampung Gemuroh, Kampung Padang Air dan tamat di kampus UMT semula. Kayuhan bermula seawal jam 8.15 pagi dan selamat tiba pada jam 1.00 tengah hari.

Selain itu, Kelab *Cycling* UMT turut menjemput empat orang pelajar daripada Kelab Fotografi UMT untuk diberikan pendedahan kepada mereka mengambil gambar. Peserta juga diberikan peluang untuk membuat penggambaran individu. Sepanjang perjalanan peserta terpaksa mengharungi

keadaan cuaca yang tidak menentu seperti hujan lebat dan angin kuat. Aktiviti ini menguji daya tahan peserta dan pada masa yang sama menjadikan peserta lebih sihat dengan aktiviti berbasikal. Selepas kejayaan menamatkan kayuhan 100 KM ini, kelab bercita-cita untuk membuat aktiviti kayuhan jarak jauh edisi kedua dengan menambah jarak laluan kepada 160 KM (100 batu) atau istilah lain dalam bahasa Inggeris digelar *Century Ride*.

Pada tahun ini, Kelab *Cycling* UMT berhasrat untuk menganjurkan aktiviti kayuhan bersama semua kakitangan dan pelajar di Universiti Malaysia Terengganu secara beramai-ramai.

UMT dan PHN anjur Mesyuarat Jawatankuasa Hidrografi Negara ke-17

oleh: Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman
Shahrul Jama Othman, INOS

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Hidrografi Negara yang ke-17 pada tanggal 23-25 September 2011 bertempat di Dewan Senat UMT. Ia merupakan penganjuran bersama dengan Pusat Hidrografi Nasional (PHN) dan telah dihadiri oleh seramai 45 peserta daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Agensi Remote Sensing Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia, Jabatan Laut dan lain-lain.

Mesyuarat ini merupakan mesyuarat berkala yang diadakan setiap 2-3 kali setahun dan ia telah



dipengerusikan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar dengan keahlian terdiri dari 20 agensi kerajaan yang terlibat dengan perairan termasuk INOS. Pelbagai aktiviti juga telah diadakan sepanjang mesyuarat ini berlangsung seperti lawatan ke Kompleks Penyelidikan INOS, kapal penyelidikan *RV Discovery*, pertandingan golf dan majlis makan malam.

Penganjuran bersama ini memberi peluang kepada UMT untuk menonjolkan kekuatan dari segi kepakaran dan kelengkapan penyelidikan terutama dalam bidang oseanografi dan sains marin yang berkait rapat dengan PHN dan

TLDM. Jalinan kerjasama yang lebih erat akan dapat dimeterai supaya kepakaran kedua-dua pihak dapat diguna sama untuk kepentingan negara. Penganjuran bersama ini juga merupakan platform terbaik untuk UMT melalui INOS untuk meneruskan siri kursus intensif oseanografi kepada kakitangan TLDM seperti yang pernah dijalankan pada tahun 2003-2006. Penganjuran kursus tersebut telah meninggalkan impak besar kepada INOS dan UMT yang akan mendapat perhatian meluas agensi serta pihak luar untuk menjalinkan kerjasama penyelidikan, perundingan serta latihan yang akan turut menyumbang kepada sumber dana UMT.

INOS terima kunjungan hormat Panglima TLDM

oleh: Prof. Madya Dr. Suhaimi Suratman
Shahrul Jama Othman, INOS

Panglima Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar telah melakukan kunjungan hormat ke Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersempena dengan Mesyuarat Jawatankuasa Hidrografi Negara yang ke-17 pada 24 September 2011. Ketibaan beliau dan ahli-ahli rombongan telah disambut oleh Pengarah INOS, YBhg. Prof. Dr. Mohd Lokman Husain.

Kunjungan tersebut dimulakan dengan majlis taklimat yang diadakan di Auditorium INOS. Pengarah INOS telah memberikan taklimat tersebut dan diikuti oleh

sesi penerangan ringkas mengenai sejarah dan fungsi INOS oleh Prof. Madya Dr. Aidy M. Muslim. Panglima TLDM dan ahli-ahli rombongannya kemudian telah dibawa melawat ke beberapa makmal INOS untuk melihat sendiri kemudahan dan kelengkapan penyelidikan yang sedia ada dan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berkaitan.

Selain daripada itu, Panglima TLDM dan ahli-ahli rombongan telah dibawa ke limbungan Kay Marine untuk melawat kapal penyelidikan *RV Discovery*. Panglima TLDM telah menyatakan kekaguman beliau dengan segala kemudahan dan kepakaran yang ada di UMT terutamanya di INOS dalam penyelidikan oseanografi.



YBhg. Laksamana Tan Sri Abdul Aziz Haji Jaafar turut dibawa melawat kapal penyelidikan UMT, *RV Discovery*.

Adalah diharapkan hasil daripada lawatan beliau akan dapat memberi kesan jangka panjang kepada kelangsungan hubungan dan kerjasama yang lebih erat antara INOS dan TLDM.

UMT dan ATSB meterai persetujuan Projek Modis Ground Receiving System

oleh: Azri Muhamad
Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS)



Pada 5 Disember 2011, satu majlis menandatangani dokumen Setuju Terima (LoI) untuk projek "Modis ground Receiving System" oleh Aeronautics Technology Sdn Bhd (ATSB) yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, YBhg. Datuk Ahmad Sabirin Ahmad, telah dilangsungkan di Bilik Pangkalan Data Marin UMT. Modis Ground Receiving System adalah salah satu projek di bawah seliaan INOS melalui Makmal Oseanografi Satelit dan Informatik Marin yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Aidy Mohamed Shawal.

Penerangan ringkas mengenai jadual perjalanan projek telah dibentangkan oleh Ketua Projeknya, Nuril Afzam yang turut dihadiri oleh Pengarah INOS, YBhg. Prof. Dr. Lokman Husain serta Pengarah Pembangunan dan Harta (PPH), Ir. Haji Mohd Zaideen Yusoff. Projek tersebut dijangka siap sepenuhnya pada bulan Mei 2012.

Sukan Pantai MASUM 2011

oleh: Siti Noriam Yaakob
Pusat Sukan dan Rekreasi

Tahun 2011 adalah tahun pertama Kejohanan Sukan Pantai MASUM dianjurkan oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia dengan kerjasama Universiti Teknologi MARA Shah Alam. Ianya merupakan satu lagi inovasi sukan yang dilaksanakan oleh MASUM dalam merealisasikan semangat Budaya Bersukan di kalangan mahasiswa. Di samping itu juga, kejohanan ini diadakan bertujuan untuk mempromosikan dan mencungkil bakat-bakat baharu dalam sukan pantai di peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia.

Kejohanan tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara, YBhg. Dato' Zolkples Embong pada 2 Disember 2011 manakala perasmian penutup pada 4 Disember 2011 oleh YBhg. Dato' Naib Canselor UITM yang turut dihadiri oleh ahli-ahli sekretariat MASUM bertempat di Pantai Bagan Pinang, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sebanyak 19 kontinjen yang terdiri daripada 20 buah universiti seluruh Malaysia telah menyertai kejohanan tersebut. Kontinjen

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang diketuai oleh Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh (Ketua Pusat Sukan dan Rekreasi) terdiri daripada 50 orang atlet dan sembilan orang pegawai dan urus setia. Kontinjen UMT telah mewakili empat acara berpasukan iaitu:

1. Bola Sepak Pantai (Lelaki) - Pingat Emas
2. Bola Sepak Pantai (Wanita) - Pingat Gangsa
3. Larian Pantai (Lelaki) - Peringkat Kumpulan
4. Larian Pantai (Wanita) - Peringkat Akhir
5. Bola Tampar Pantai (Lelaki) - Pusingan Ke-2
6. Bola Jaring Pantai - Peringkat Kumpulan

Dengan pungutan dua pingat yang berjaya diraih oleh kontinjen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berjaya meletakkan nama UMT di tempat keempat secara keseluruhan yang secara tidak langsung memartabatkan lagi kegemilangan sukan UMT.



Ketua Pusat Sukan dan Rekreasi, Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh (paling kanan) bersama sebahagian daripada kontinjen UMT.

Pasukan Produksi UMT kembang bakti ke UMP

oleh : Wan Mohd Wazir Wan Abdul Wahab
Pusat Teknologi Maklumat

Bermula pada tahun 2007 hingga 2011 yang lalu, pasukan Produksi UMT telah diberikan kepercayaan sepenuhnya oleh Pengurusan Tertinggi UMP untuk turut serta membantu dan menyelia kerja-kerja teknikal produksi Majlis Konvokesyen UMP. Pasukan produksi yang diketuai oleh En. Wan Mohd Wazir bin Wan Abdul Wahab dan 14 yang lain iaitu En. Roslan bin Said, En. Hamizan bin Ishak, En. Nazir bin Haron, En. Nor Azlan bin Ruyob, En. Che Ku Baharuddin bin Che Ku Ismail, En. Nordin bin Ab. Rasid, En. Md. Tarmizi bin Ahmad, En. Hasrul bin Awang Muni, En. Mohd Sharwan bin Abdul Ghani, En. Shukry bin Tahar, YM Tg. Iskandar Zulfahmie bin Tg. Mohamad, Ahmad Riedhauden bin Razak, En Faizal bin Sobandi dan Khairul Arifin bin Abd. Rahman telah berjaya memberikan perkhidmatan terbaik untuk UMP di dalam mengendalikan kerja-kerja teknikal produksi di UMP.

Berbekalkan ilmu dan pengalaman di dalam mengendalikan Majlis Konvokesyen UMT sebanyak sembilan kali, pasukan produksi UMT telah berjaya membantu rakan-rakan universiti yang lain di dalam menjayakan majlis konvokesyen universiti masing-masing. Pada tahun 2007, pasukan ini telah berjaya membantu UMP mengendali majlis konvokesyennya sebanyak dua kali termasuk konvokesyen khas. Khidmat ini diteruskan untuk majlis konvokesyen pada tahun 2008 sehingga tahun 2011.

Antara perkhidmatan yang dihulurkan oleh pasukan produksi UMT ialah khidmat runding cara teknikal produksi, kerja-kerja pendawaian produksi, khidmat



Pasukan Produksi PTM sentiasa komited dengan setiap tugas yang dikendalikan oleh mereka.



Pasukan Produksi ini turut melebarkan sayap perkhidmatan hingga ke UMP.



Mantap...paduan tenaga dan kreativiti mereka sentiasa dikagumi.

fotografi, khidmat videografi dan khidmat-khidmat sampingan lain yang berkaitan.

Pasukan produksi UMT mulanya dibentuk secara rasminya pada tahun 2004 yang lalu. Bermula dengan lima orang staf di Unit Teknologi Maklumat (UTEKMA), pasukan ini telah diberikan kepercayaan sepenuhnya untuk mengendalikan kerja-kerja teknikal produksi di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) ketika itu seperti mengendalikan kerja-kerja videografi, fotografi, rakaman dan suntingan video, rakaman audio visual, grafik dan multimedia universiti. Pada tahun 2012, pasukan ini telah mempunyai seramai 10 orang staf tetap dan genaplah 8 tahun pasukan ini mengendalikan kerja-kerja produksi di UMT termasuk 9 kali mengendalikan kerja-kerja produksi untuk Majlis Konvokesyen UMT.

Berbekalkan peralatan produksi yang mencukupi seperti kamera *MCP*, *audio switcher*, *video switcher*, *wireless camera*, *wireless intercom*, *multimedia server*, *video server*, *streaming server* dan alatan

produksi yang lain telah banyak membantu UMT menjimatkan kos sewaan dan pengendalian majlis universiti di samping menjimatkan masa dan tenaga di dalam melaksanakan sebarang bentuk majlis rasmi dan tidak rasmi di UMT.

Selain daripada itu juga pasukan ini telah berjaya mendapat pengiktirafan luar oleh agensi kerajaan yang lain. Antara agensi yang telah mendapat khidmat sokongan daripada pasukan ini adalah seperti Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Unit Komunikasi Negeri Terengganu (UKOM), Istana Terengganu, Kolej Teknologi Bestari (KTB), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA), Kerajaan Negeri Terengganu, sekolah-sekolah berhampiran UMT dan sebagainya.

Pasukan produksi merasa bertuah kerana sentiasa mendapat sokongan padu dari pihak pengurusan tertinggi UMT dan juga Pengarah PTM, Prof. Madya Dr. Mohd Pouzi bin Hamzah dan berhasrat untuk meningkatkan lagi prestasi pasukan produksi ini di masa akan datang.

Renungan

Peluang yang baik datang dan pergi, adakalanya bersama kita, tiba masanya milik mereka. Bersyukurlah bila ia bersama kita, tapi janganlah bersedih bila ia dimiliki mereka. Sebaliknya berbaktilah kepada mereka bila peluang bersama kita. Mungkin bakti kembali kepada kita sewaktu peluang milik mereka. Namun balasan jangan diharap pada mereka, tapi harapan disangkut hanya pada yang Esa. Ingatlah firman Allah SWT yang bermaksud "...dan demikianlah keadaan hari-hari (dunia ini), kami gilirkannya antara kalangan manusia (adakalanya menang ada masanya kalah)". (al-Imran : 140)

Surah al-Baqarah Ayat 273 Allah SWT telah mendedahkan kepada para sahabat mengenai satu golongan yang paling berhak diberi sedekah. Golongan ini tidak pernah menunjukkan kemiskinan dan kesusahan kepada orang lain. Mereka tidak meminta-minta supaya dibantu, namun hakikatnya mereka amat memerlukan bantuan. Para sahabat menyangka golongan ini kaya dan tidak perlukan bantuan. Tapi Allah SWT telah menyarankan agar para sahabat mencari dan menyelidik golongan ini, kerana mereka ini mempunyai tanda-tanda yang dapat dikenalpasti melalui sifat zahir yang terserlah dari ketulusan iman mereka. Golongan inilah yang perlu disokong dan dibantu. Begitu juga dengan kehidupan seharian. Kadang-kadang kita tersalah dalam membuat penilaian. Seseorang yang disangka tidak membantu mungkin banyak jasanya yang tidak kita ketahui kerana ketidakperhatian kita. Selidikilah dengan baik sebelum membuat penilaian. Agar mereka yang ikhlas diberi pengharagaan dan yang menilai akan dikasihi dan dirahmati.

Ustaz Kasyfullah Abd. Kadir
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, FPS



produk yang dibuat sama sahaja, maka secara pelengkap kita yang dikehendaki oleh para pengguna. Prof Dr Mohd Ghaffar Abdul Wahid dan Tan Sri Ibrahim Cavalli Segura.

Prof Dr Aziz berkata produk ini juga pernah mendapat anugerah siri di peringkat antarabangsa di Geneva April lalu dan mendapat anugerah siri di peringkat antarabangsa di Geneva pada tahun 2011. Produk ini juga pernah mendapat anugerah siri di peringkat antarabangsa di Geneva pada tahun 2011.

UMT sedia ambulans baru

Tampung keperluan 9,000 warga kampus selain khidmat untuk komuniti luar

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kini mempunyai khidmat ambulans yang siap sedia untuk digunakan oleh 9,000 warga kampus selain khidmat untuk komuniti luar.

Menyempurnakan khidmat ambulans yang sedia ada, UMT kini mempunyai khidmat ambulans yang siap sedia untuk digunakan oleh 9,000 warga kampus selain khidmat untuk komuniti luar. Menyempurnakan khidmat ambulans yang sedia ada, UMT kini mempunyai khidmat ambulans yang siap sedia untuk digunakan oleh 9,000 warga kampus selain khidmat untuk komuniti luar.



Ambulans yang dimiliki UMT kini siap sedia untuk digunakan oleh 9,000 warga kampus selain khidmat untuk komuniti luar.

Peluang jadi penuntut UMT

40 pelajar lepasan SPM dipilih rasai kehidupan bergelar warga kampus

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menyediakan peluang kepada 40 pelajar lepasan SPM rasai kehidupan bergelar warga kampus.



40 pelajar lepasan SPM rasai kehidupan bergelar warga kampus di UMT.

Pelajar cemerlang percubaan SPM diberi peluang rasai kehidupan di universiti UMT dedah rutin dunia kampus

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dedah rutin kehidupan di universiti kepada 40 pelajar cemerlang percubaan SPM.

UMT dedah rutin kehidupan di universiti kepada 40 pelajar cemerlang percubaan SPM. Pelajar-pelajar ini akan menjalani kehidupan di universiti selama beberapa minggu untuk rasai kehidupan bergelar mahasiswa.



Pelajar-pelajar ini akan menjalani kehidupan di universiti selama beberapa minggu untuk rasai kehidupan bergelar mahasiswa.

sedia si kepakaran

UMT bersedia berkolaborasi dengan kerajaan dalam pelbagai bidang. UMT bersedia berkolaborasi dengan kerajaan dalam pelbagai bidang, termasuk dalam pembangunan infrastruktur dan teknologi.

Baucar buku galak budaya membaca

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Negeri Terengganu (KNT) mengemukakan baucar buku kepada pelajar-pelajar di UMT.

KNT mengemukakan baucar buku kepada pelajar-pelajar di UMT. Baucar ini bertujuan untuk menggalakan budaya membaca di kalangan pelajar.



KNT mengemukakan baucar buku kepada pelajar-pelajar di UMT.

Kerajaan Negeri alu idea cendekiawan

KUALA TERENGGANU - Kerajaan Negeri mengemukakan idea dari kalangan cendekiawan bagi sama-sama menartabatkan mutu pendidikan di negeri ini.

Kerajaan Negeri mengemukakan idea dari kalangan cendekiawan bagi sama-sama menartabatkan mutu pendidikan di negeri ini. Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains, Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, ramai yang mengagumi pencapaian negeri Terengganu yang telah mencatatkan kejayaan dalam bidang pendidikan, meskipun dahulunya Terengganu adalah negeri yang mundur.

ALAT BARU DALAM AMBULANS.....

Pegawai Perubatan Kanan, Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Terengganu Dr. Sidek Harun (kiri) menerangkan kepada Naib Canselor UMT, Profesor Aziz Deraman (tengah) cara kegunaan 'Automated External Defibrillator' salah satu peralatan yang disediakan di dalam ambulans yang turut berfungsi sebagai bilik kecemasan bergerak.

UMT terbit buku tentang e-book tahun depan

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) akan terbitkan buku tentang e-book pada tahun depan.

UMT akan terbitkan buku tentang e-book pada tahun depan. Buku ini akan membincangkan tentang kelebihan dan kekurangan e-book sebagai alternatif kepada buku cetak.



UMT akan terbitkan buku tentang e-book pada tahun depan.

UMT sasar sifar polisterin dalam kawasan universiti

KUALA TERENGGANU - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sasar sifar polisterin dalam kawasan universiti.

UMT sasar sifar polisterin dalam kawasan universiti. Pihak berkuasa UMT akan melaksanakan program pemuliharaan alam sekitar untuk mencapai sifar polisterin.



UMT sasar sifar polisterin dalam kawasan universiti.

UMT Ready To Share Expertise

KUALA TERENGGANU, Dec 18 (Bernama) - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) is prepared to share its expertise in various fields in a bid to disseminate technological advancement to the society in a more structured way.

UMT vice-chancellor Prof Datuk Dr Aziz Deraman said among the efforts currently underway was an oceanography course offered to hydrographic officers of the Royal Malaysia Navy.

He said that there were already 50 officers who had undergone the 21-day course.

"The course was stopped for several years and resumed this year, involving 10 officers at a time, we are planning an advanced course in April next year," he said at the dosing of the course for navy officers here Sunday.

He also said that the university had received an additional allocation of RM2 million from the Higher Education Ministry for its oceanography and marine sciences course.

7,431 pelajar UMT terima

7,431 pelajar UMT terima. Jumlah ini menunjukkan peningkatan dalam bilangan pelajar yang mendaftar di UMT.



Peranan Teori dalam Proses Kaunseling


Pengarang : Zakaria Mohamad

ISBN : 978-967-5366-80-2

Tahun : 2011

Sinopsis :

Peranan Teori dalam Proses Kaunseling bertujuan untuk memberikan satu dimensi baharu kepada para kaunselor dan mereka yang terlibat dalam profesion menolong supaya dapat memahami peranan teori secara lebih objektif dalam melaksanakan proses kaunseling. Peranan teori perlu dilihat bukan sekadar alat untuk membantu kaunselor menjalankan tugasnya tapi juga berkait rapat dengan keberkesanan proses tolong bantu yang dilaksanakan saban hari. Oleh yang demikian, para kaunselor boleh menilai kembali aspek pengetahuan, kefahaman dan penggunaan teori masing-masing berdasarkan perbincangan dalam buku ini. Aspek-aspek utama yang dibincangkan dalam buku ini termasuklah senario semasa bidang kaunseling, kurikulum latihan kaunselor, kemahiran teori dalam kalangan kaunselor pengamal, implikasi amalan dan teoritikal, kemahiran teori kaunselor serta teori-teori kaunseling asas. Adalah diharapkan buku ini dapat menjadi tambahan kepada buku-buku kaunseling yang sedia ada di pasaran.



Al-Quran dan Pemikiran Manusia


Pengarang : Nizaita Omar

ISBN : 978-967-5366-76-5

Tahun : 2011

Sinopsis :

Al-Quran merupakan sumber utama agama Islam. Ia merupakan pusaka Rasulullah SAW yang memberikan bekal jasmani dan rohani kepada umat Islam. Baginda Rasulullah SAW membacakan al-Quran, mengajar isi kandungannya serta mendidik generasi pertama dengannya. Bagi Umat Islam, tiada yang paling berharga buat mereka sebagai pedoman hidup melainkan al-Quran. Kesempurnaan al-Quran terbukti melalui isi kandungannya yang telah membentuk sistem, perundangan dan perlembagaan yang memandu manusia kepada pelaksanaan tindakan, operasi, pengolahan serta pentadbiran yang terbaik bagi mencapai kebahagiaan yang sebenar dalam kehidupan mereka di dunia.



Company Law in Malaysia

Author : Rokiah Abdul Kadir

ISBN : 978-967-5366-77-2

Year : 2011

Synopsis :

This book is meant to provide a comprehensive introduction to the company law in Malaysia. The book discusses relevant laws concerning various topics including business organization, classification and features of company, officers of company, membership, meeting, share capital, takeover and securities law.

The book is designed for use in undergraduate courses or self study for business, accounting, economics and other professional courses. In addition company directors, secretaries and other business community will find the book useful in providing understanding and general overview on the basic principles of company law in Malaysia.